INSTITUT PENDIDIKAN GURU MALAYSIA
KAMPUS BATU LINTANG

JURNAL PENYELIDIKAN IPGKBL

Jilid 20 Tahun 2023

ISSN 1675-6347
e-ISSN 2682-7905

JURNAL PENYELIDIKAN IPGKBL

JILID 20 TAHUN 2023

Institut Pendidikan Guru Malaysia
Kampus Batu Lintang

ISSN: 1675-6347
e-ISSN: 2682-7905

Diterbitkan oleh:
Institut Pendidikan Guru Malaysia Kampus Batu Lintang
Jalan College,
93200 Kuching,
Sarawak, Malaysia.
Tel: +60-082-228000
Faks: +60-082-252382
http://www.ipbl.edu.my/portal/

Disember 2023

Kata Alu-aluan

Pengarah
Institut Pendidikan Guru Malaysia Kampus Batu Lintang

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera,

Setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah dan kurnia-Nya, Jurnal Penyelidikan IPGKBL Jilid 20 Tahun 2023 akhirnya berjaya diterbitkan. Usaha murni penerbitan jurnal utama IPGMKBL ini adalah selari dengan *Key Performance Indicator* (KPI) Transformasi IPG (2016-2025) seperti yang telah ditetapkan dalam Kluster 3: Pembudayaan Penyelidikan dan Inovasi.

Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua penulis yang telah menghantar manuskrip ke jurnal ini. Tanpa sokongan daripada anda semua, jurnal ini tidak mungkin dapat diterbitkan. Jutaan terima kasih juga ditujukan kepada para penilai luar, sidang penyunting dan Jabatan Perancangan, Penyelidikan dan Inovasi IPGMKBL yang begitu komited dalam melaksanakan peranan masing-masing bagi meningkatkan kualiti jurnal ini. Semoga artikel-artikel ilmiah yang berjaya diterbitkan dalam jurnal ini dapat dijadikan sumber rujukan berkualiti kepada para pendidik khususnya dan orang ramai amnya.

Adalah menjadi harapan saya agar semua pensyarah IPGMKBL dan para pendidik di luar terus menghantar manuskrip untuk dipertimbangkan penerbitannya dalam jurnal ini. Ini kerana selain tugas hakiki dalam pengajaran dan pembelajaran, adalah menjadi tanggungjawab seorang pensyarah IPGM dan pendidik untuk meningkatkan kualiti kesarjanaannya melalui penglibatan aktif dalam melaksanakan penyelidikan dan penerbitan yang berkualiti.

Sekian, terima kasih.

DR. ABANG ISMAIL BIN HAJI ABANG JULHI
Pengarah
Institut Pendidikan Guru Malaysia Kampus Batu Lintang
Kuching, Sarawak.

DARI MEJA KETUA PENYUNTING

Jurnal Penyelidikan IPGKBL Jilid 20 Tahun 2023 terdiri daripada lapan artikel yang merentasi beberapa bidang pendidikan dan reka bentuk kajian. Secara ringkasnya, intipati kandungan untuk setiap artikel adalah seperti berikut:

Artikel pertama "**Pelaksanaan Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) Di Sekolah: Suatu Cabaran"** menilai tahap kesediaan guru dalam melaksanakan PBD serta menilai tahap sokongan yang telah diterima oleh guru-guru dalam melaksanakan PBD di sekolah. Di samping itu, kajian ini juga meninjau masalah yang dihadapi oleh guru-guru dalam melaksanakan PBD di sekolah.

Artikel kedua ***"Integrating Minecraft With The 5E Instructional Model in Teaching Fractions: An Investigation of Pupils' Problem-Solving Skills"*** bertujuan mengenal pasti keberkesanan pengintegrasian Minecraft dengan Model Pengajaran 5E dalam meningkatkan kemahiran menyelesaian masalah untuk Topik Pecahan.

Artikel ketiga "***Google Classroom: Learning Tools for PDPP Interim Teachers***" meninjau persepsi guru interim PDPP terhadap penggunaan *Google Classroom*. Pada masa yang sama, kesignifikanan perbezaan persepsi terhadap penggunaan *Google Classroom* mengikut jantina dan lokasi turut dikaji.

Artikel keempat "**Persepsi Guru Pelatih Terhadap Kursus Keupayaan Kewangan"** yang bertujuan meninjau kesedaran guru pelatih terhadap pelbagai aspek kewangan setelah mengikuti kursus Keupayaan Kewangan KKWK3013.

Artikel kelima "**Tahap Penguasaan Kemahiran Insaniah Pelajar Keluaran IPG Kampus Batu Lintang Bagi PISMP Ambilan Jun 2015 Dan Jun 2016**" meninjau tahap penguasaan kemahiran insaniah guru novis yang telah ditempatkan selama 1-2 tahun di sekolah.

Artikel keenam "***Utilizing The School Resource Centre For Students' Information Literacy Skills Development*"** merupakan kertas konseptual yang menghubungkaitkan *Big6 Information Literacy Model* dengan kepentingan pusat sumber sekolah untuk meningkatkan kemahiran literasi maklumat murid-murid.

Artikel ketujuh "**Sistem Ejaan Bahasa Bidayuh Bau"** membincangkan pembinaan sistem ejaan bahasa Bidayuh Bau secara terperinci.

Artikel kelapan "***Utilising Game-Based Learning in Speaking Lessons to Enhance ESL Secondary School Learners' Vocabulary, Motivation and Learning Environment*"** mengkaji bagaimana *Game-Based Learning* dapat meningkatkan perbendaharaan kata, motivasi dan persekitaran pembelajaran dalam kalangan pelajar ESL.

Akhir kata, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua penulis artikel. Semoga perkongsian ilmiah artikel-artikel ini dapat dijadikan sumber rujukan warga pendidik ke arah meningkatkan mutu pendidikan dan membantu dalam menambahbaik amalan pengajaran dan pembelajaran. Saya juga amat berterima kasih kepada para penilai dan penyunting yang begitu komited dalam menyempurnakan tugas pengulasan dan penyuntingan sehingga menjayakan penerbitan jurnal ini.

Sekian, terima kasih.

KANDUNGAN

PELAKSANAAN PENTAKSIRAN BILIK DARJAH (PBD) DI SEKOLAH: SUATU CABARAN

Engkasan Inchang, PhD[1]
Corella Stephen, PhD[2]

[1]iengkasan@yahoo.com
[2]corenstephen@yahoo.com

[1, 2]Institut Pendidikan Guru Kampus Rajang, Jalan KJD, 96500 Bintangor

ABSTRAK

Kajian ini dijalankan untuk menilai tahap kesediaan guru dalam melaksanakan Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) serta menilai tahap sokongan yang telah diterima oleh guru-guru dalam melaksanakan PBD di sekolah. Kajian tersebut juga bertujuan untuk menentukan masalah yang dihadapi oleh guru-guru dalam melaksanakan PBD di sekolah. Kajian dilaksanakan secara tinjauan berdasarkan persepsi guru-guru yang mengajar di sekolah rendah, dengan menggunakan soal selidik. Seramai 50 orang responden kajian yang terdiri daripada guru-guru yang sedang berkhidmat di sekolah rendah di daerah Kanowit, Sarawak. Hasil analisis data secara keseluruhannya menunjukkan guru mempunyai kesediaan yang amat baik dalam melaksanakan PBD di sekolah, dengan skor min 4.19. Ujian-t menunjukkan tidak ada perbezaan min berdasarkan jantina guru, iaitu Ujian *Levene's* $p=0.554$, $p>0.05$, adalah homogenous. Nilai t (28, $p=0.493$) = 0.690, $p>0.05$ tidak signifikan. Ini menggambarkan perbezaan min antara guru lelaki dan guru perempuan adalah tidak signifikan. Ujian ANOVA Satu Hala digunakan untuk menentukan perbezaan min berdasarkan pengalaman mengajar. Hasil Ujian ANOVA Satu Hala mendapati bahawa terdapat perbezaan min yang signifikan dalam sokongan kepada guru berdasarkan pengalaman mengajar mereka. Nilai F (2, $p=0.009$) =5.24, $p<0.05$ adalah signifikan. Analisis *post-hoc* memperincikan perbandingan antara kumpulan pengalaman, menggunakan ujian LSD dan menunjukkan bahawa terdapat perbezaan min yang signifikan antara 3 kumpulan pengalaman mengajar. Kajian mendapati bahawa terdapat skor min yang sangat rendah dalam beberapa item, dan ini menunjukkan bahawa guru-guru masih bermasalah dalam melaksanakan PBD dengan tepat, kurang mahir membuat penilaian terhadap sesuatu kemahiran, bermasalah memberi gred pencapaian murid dan bermasalah untuk menyediakan instrumen yang standard, yang mempunyai kesahan dan kebolehpercayaan yang tinggi. Guru masih memerlukan bimbingan pakar dalam membuat pengredan pencapaian murid. Implikasi kajian ialah dapat memberi informasi tentang tahap kemahiran guru-guru dalam membuat pentaksiran yang telus.

Kata Kunci: Pentaksiran bilik darjah, kesediaan, sokongan, persepsi guru

ABSTRACT

This study was carried out to assess the level of teacher readiness in implementing Classroom Assessment (CBA) as well as to assess the level of support received by teachers in implementing CBA in schools. The study also aims to determine the problems faced by teachers in implementing PBD in schools. The study was carried out as a survey based on the perceptions of teachers who teach in primary schools, using questionnaires. A total of 50 respondents of the study consisting of teachers currently serving in primary schools in Kanowit district, Sarawak. The results of data analysis as a whole show that teachers have a very good willingness to implement PBD in schools, with a mean score of 4.19. The t-test shows that there is no mean difference based on

the teacher's gender, that is, Levene's Test p=0.554, p>0.05, is homogeneous. The t value (28, p=0.493) = 0.690, p>0.05 is not significant. This shows that the mean difference between male and female teachers is not significant. A One-Way ANOVA test was used to determine mean differences based on teaching experience. One-way ANOVA test results found that there was a significant mean difference in support for teachers based on their teaching experience. The value of F(2, p=0.009) =5.240, p<0.05 is significant. Post-hoc analysis detailed comparisons between experience groups, using the LSD test and showed that there was a significant mean difference between the 3 teaching experience groups. The study found that there is a very low mean score in several items, and this shows that teachers still have problems in implementing PBD accurately, are less skilled in making assessments of certain skills, have problems in grading student achievement and have problems in providing standardized instruments, which has high validity and reliability. Teachers still need expert guidance in grading student achievement. The implication of the study is to be able to provide information about the level of teachers' skills in making transparent assessments.

Keywords: *Classroom assessment, readiness, support, teacher perception*

PENGENALAN

Senario sistem pentaksiran di Malaysia masa kini telah berfokus kepada suatu bentuk pentaksiran yang berterusan dalam sesi pengajaran dan pembelajaran (PdP), iaitu Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) bagi mendapatkan maklumat tentang perkembangan, kemajuan, kebolehan dan pencapaian murid. PBD ini sebenarnya bukan sesuatu yang asing bagi warga pendidik kerana telahpun diperkenalkan pada tahun 2011, yang dikenali sebagai Pentaksiran Sekolah (PS), dan mulai tahun 2016, telah dinamakan sebagai PBD. Meskipun pentaksiran dalam PS adalah suatu pentaksiran yang bersifat holistik, manakala dalam PBD pentaksirannya adalah secara berterusan sepanjang proses PdP, bagi semua mata pelajaran, namun matlamatnya adalah sama, iaitu untuk melihat kemajuan murid-murid dalam pembelajaran mereka. Pelaksanaan PBD adalah secara formatif dan sumatif; untuk pembelajaran, sebagai pembelajaran dan tentang pembelajaran. Pentaksiran merupakan proses berterusan dalam PdP, yang merangkumi aktiviti merancang, membina instrumen, pengumpulan maklumat, melaksanakan penilaian, penginterpretasian, perekodan dan pelaporan maklumat mengenai prestasi pelajar untuk membantu guru membuat keputusan (Boon et al., 2017).

Pelaksanaan PBD yang berkualiti dapat mencerminkan tahap pencapaian sebenar murid dalam menguasai matlamat yang ditetapkan dalam kurikulum (Kementerian Pendidikan Malaysia [KPM], 2019). Pelaksanaan PBD membantu guru mengesan perkembangan murid secara menyeluruh; mengenal pasti kekuatan dan kelemahan murid dalam pembelajaran; mengetahui keberkesanan pengajaran; merancang dan mengubah suai kaedah pengajaran seterusnya mengambil tindakan susulan dengan serta merta berdasarkan tahap pencapaian yang diperoleh oleh setiap murid. Halimah dan Rozinah (2019) telah menyatakan bahawa PBD bukan semata-mata untuk menilai perbandingan pencapaian murid tetapi juga untuk membantu murid meningkatkan prestasi akademik secara umumnya. Walaupun pada dasarnya proses pelaksanaan PBD di sekolah begitu terancang, namun pada hakikatnya pelaksanaan PBD ini penuh dengan cabarannya. Ketelusan dan keberkesanan PBD dalam mentaksir tahap perkembangan murid-murid masih lagi dipersoalkan. Untuk menepis tanggapan tersebut, tahap kesediaan guru-guru dalam melaksanakan PBD haruslah sentiasa mantap dan mampu membuat pertimbangan yang profesional dalam membuat pentaksiran, agar kesahan dan kebolehpercayaan pentaksiran mereka tidak dipersoalkan.

PERMASALAHAN KAJIAN

Sejak PBD dilaksanakan dalam sistem pendidikan di Malaysia pada tahun 2016, pelbagai permasalahan yang berkaitan dengan pentaksiran dibangkitkan oleh warga pendidik. Ravikumar Varatharaj (2015) berpendapat bahawa masih terdapat ruang penambahbaikan dalam kalangan guru untuk melaksanakan pentaksiran. Kemungkinan ketidaktelusan pentaksiran oleh guru-guru terhadap

murid-murid mereka menjadi suatu kebimbangan bagi para ibu bapa. Kajian Suzana Abd Mutalib dan Jamil Ahmad (2012) pula mendapati guru gagal memantau pembelajaran murid atas faktor kekurangan pengetahuan, penghasilan keputusan yang tidak adil dan kelemahan perancangan pengajaran sehingga gagal mencungkil potensi sebenar murid dan mengakibatkan pelaporan prestasi murid yang tidak tepat. Oleh itu, kajian ini amat perlu dilaksanakan bagi menilai tahap kesediaan guru dan tahap sokongan yang diterima oleh guru dalam melaksanakan PBD di sekolah.

OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini dilaksanakan untuk:

a. Menentukan tahap kesediaan guru dalam melaksanakan PBD di sekolah.
b. Menentukan tahap sokongan terhadap guru dalam melaksanakan PBD di sekolah.
c. Menentukan cabaran yang dihadapi oleh guru dalam melaksanakan PBD di sekolah.

PERSOALAN KAJIAN

Persoalan kajian yang dirungkai dalam kajian ini ialah:

a. Apakah tahap kesediaan guru dalam melaksanakan PBD di sekolah?
b. Apakah tahap sokongan yang diterima oleh guru dalam melaksanakan PBD di sekolah?
c. Apakah cabaran yang dihadapi oleh guru dalam melaksanakan PBD di sekolah?
d. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan kesediaan guru dalam melaksanakan PBD berdasarkan jantina?
e. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan tahap sokongan terhadap guru berdasarkan pengalaman bekerja?
f. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan tahap cabaran yang dihadapi oleh guru berdasarkan pengalaman bekerja?

HIPOTESIS KAJIAN

Ho1 : Tidak terdapat perbezaan skor min yang signifikan tahap kesediaan guru melaksanakan PBD berdasarkan jantina guru.
Ho2 : Tidak terdapat perbezaan skor min yang signifikan tahap kesediaan guru melaksanakan PBD berdasarkan pengalaman mengajar.

TINJAUAN LITERATUR

Kajian ini berasaskan Model Brinkenhoff (1987) yang telah mengemukakan tiga jenis penilaian yang berkesan, iaitu *Fixed and Emergent Evaluation Design*, *Formative vs Sumative Evaluation* dan Reka Bentuk Percubaan dan Reka Bentuk Kuasi Percubaan Vs Penyiasatan Semulajadi. Bentuk-bentuk penilaian ini amat bersesuaian dengan PBD, misalnya dalam *Fixed and Emergent Evaluation Design,* di sepanjang penilaian ini dilakukan, penilai perlu berinteraksi secara berterusan untuk mendapatkan data, agar maklumat yang dikumpul tidak terputus dan tetap teguh, dengan menggunakan teknik pemerhatian dan seumpamanya. Dalam PBD, teknik penilaian sebegini turut diamalkan dalam membuat pentaksiran. Untuk penilaian secara *Formative vs Sumative Evaluation,* PBD juga menggunakan cara penilaian yang sama. Penilaian secara Reka Bentuk Percubaan dan Reka Bentuk Kuasi Percubaan Vs Penyiasatan Semulajadi turut selari dengan penilaian PBD kerana penilaian ini dilaksanakan secara berterusan, penekanan kepada perlakuan dan mengukur impak sesuatu aktiviti, yang selari dengan penekanan terhadap penguasaan tahap-tahap penguasaan yang telah ditetapkan dalam PBD sereta dilaksanakan secara pemerhatian atau temu bual. Rajah 1 di bawah menunjukkan persamaan berkenaan.

Rajah 1
Persamaan PBD dengan Model Brinkerhoff (1987)



Kajian Siti Hayati Mohd Yusoff dan Lee (2018) mendapati setiap guru memiliki kaedah yang tersendiri untuk menganalisis muridnya. Sesetengah guru menganalisis murid melalui pemerhatian, dan terdapat juga guru yang menganalisis murid sebelum atau sepanjang proses pembelajaran dan pemudahcaraan dijalankan di dalam bilik darjah. Menurut Guskey dan Jung (2013), guru seharusnya mempunyai kemahiran dalam menentukan teknik dan instrumen pentaksiran yang pelbagai dan sesuai dengan isi kandungan dan objektif pembelajaran. Kajian Ahmad dan Mahamod (2016) mendapati bahawa pelaksanaan pentaksiran dalam sekolah belum mencapai matlamat sepenuhnya. Wan Omar (2019) juga melanjutkan kajian dengan merumuskan bahawa banyak cabaran yang dihadapi oleh guru dalam melaksanakan PBD sehingga menimbulkan masalah kepada guru dalam menjalankan PBD dengan berkesan. Lantaran itu, Ahmad dan Mahamod (2016) mencadangkan supaya kajian berkaitan dengan PBD diperbanyakkan memandangkan PBS merupakan satu transformasi yang masih baharu di Malaysia. PBD dijalankan sebagai teras utama dalam memperbaiki kelemahan dalam sistem pendidikan (Zhang et al., 2019).

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini bersifat kuantitatif dan dilaksanakan dengan kaedah tinjauan. Kajian berbentuk tinjauan ini dilaksanakan di sekolah-sekolah rendah daerah Kanowit, Sarawak. Penyelidikan yang menggunakan data statistik sebagai alat untuk menerang dan menganalisis penyelidikan dapat mengurangkan masa dan sumber penyelidik. Data yang dipungut dalam kawasan tertentu dengan kadar yang banyak boleh digeneralisasikan bagi mencerminkan masyarakat yang luas (Eyisi Daniel, 2016). Instrumen yang digunakan dalam kajian ini ialah soal selidik. Responden kajian pula ialah seramai 50 orang responden, yang terdiri daripada guru-guru yang sedang berkhidmat di sekolah rendah di daerah Kanowit, Sarawak. Menurut Mohamad Nor (2000), prinsip pengumpulan data yang perlu diutamakan untuk menentukan pengutipan data soal selidik yang sah ialah maklumat yang boleh dipercayai, maklumat daripada punca yang sah, maklumat yang relevan, dan data dapat dianalisis dengan statistik. Dalam kajian ini, soal selidik diedarkan kepada responden-responden yang relevan, dan berada di sekolah rendah di daerah Kanowit, Sarawak. Soal selidik telah diedarkan ke 12 buah sekolah rendah yang terpilih, di daerah Kanowit, Sarawak. Data soal selidik dalam kajian ini dianalisis menggunakan kaedah kuantitatif, diproses dan diuji kesignifikanannya menggunakan perisian *Statistical Package for the Social Sciences* (SPSS). Penganalisisan data SPSS berdasarkan analisis deskriptif, Ujian-t dan ANOVA Satu Hala. Data deskriptif digunakan untuk menentukan nilai min.

Ujian-t pula digunakan untuk menentukan perbezaan min dua kumpulan, manakala ANOVA Satu Hala digunakan untuk menentukan perbezaan varian.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Jadual 1
Dimensi Kesediaan Pelaksanaan PBD

Kesediaan Pelaksanaan PBD	N	*Minimun*	*Maximum*			Sisihan Piawai
				Min	SE	
Pelaksanaan PBD	50	2.80	5.00	4.06	.091	.646
Bahan/Istrumen PBD	50	3.20	5.00	4.19	.063	.447
Pengredan PBD	50	3.20	5.00	4.14	.063	.446
Bimbingan PBD	50	3.20	5.00	4.27	.072	.510
Pengurusan PBD	50	3.67	5.00	4.31	.059	.419
				Min : 4.19		

Berdasarkan Jadual 1, secara keseluruhannya dimensi kesediaan pelaksanaan PBD menunjukkan tahap yang tinggi dengan skor min 4.19. Nilai min > 3.67 adalah berada pada tahap yang tinggi (Jamil Ahmad, 2002). Bacaan min ini menggambarkan bahawa semua elemen penilaian pelaksanaan PBD di sekolah berada pada tahap yang tinggi. Elemen pelaksanaan PBD dengan skor min 4.06 (s.p 0.646), bahan/instrumen PBD dengan skor min 4.19 (s.p 0.447), pengredan PBD dengan min 4.14 (0.446), bimbingan PBD dengan skor min 4.27 (s.p 0.510) dan pengurusan PBD dengan skor min 4.31 (s.p 0.419). Nilai min yang tinggi menggambarkan bahawa guru-guru di sekolah boleh melaksanakan PBD serta dapat memahami keperluan pelaksanaan PBD di sekolah. Dapatan kajian ini selari dengan dapatan kajian yang yang telah dijalankan oleh Mazarulet al. (2021), Masfarizah dan Yusoff (2020) yang mendapati bahawa tahap pengetahuan guru terhadap pelaksanaan PBD di sekolah adalah tinggi. Dapatan ini juga sangat bertepatan dengan saranan yang menyatakan guru-guru adalah individu yang paling sesuai membuat pentaksiran, memberi skor serta menyatakan laporan pencapaian setiap orang muridnya (Zamri et al., 2010) kerana maklumat daripada pentaksiran akan digunakan oleh guru-guru untuk menyediakan perancangan pengajaran serta melaksanakan proses penambahbaikan dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran agar lebih bermakna (Artika Rasul, 2019).

Walaupun secara keseluruhan semua dimensi yang dinilai berada pada tahap yang tinggi, namun setelah meneliti setiap elemen dalam item instrumen kajian, didapati beberapa orang guru masih berada pada tahap yang rendah. Van Der Kleji et al. (2015) menyatakan bahawa walaupun guru mempunyai kemahiran yang tinggi membuat pantaksiran tetapi sebahagian daripada guru itu menghadapi beberapa cabaran seperti masalah guru itu sendiri, murid, masyarakat setempat serta persekitaran sekolah. Oleh itu, dalam kajian ini didapati beberapa item dalam soal selidik telah menunjukkan skor yang rendah, antara item tersebut ialah guru-guru masih bermasalah dalam melaksanakan PBD dengan tepat. Guru-guru boleh melaksanakan PBD tetapi mereka kurang pasti masa yang tepat membuat pentaksiran PBD. Ramai antara mereka menyatakan PBD dilakukan pada akhir PdP dan juga pada akhir sesuatu topik, sedangkan dalam pentaksiran PBD yang sebenar pentaksiran boleh dilakukan di mana-mana slot dalam proses PdP. PBD boleh dibuat pada set induksi, langkah pengajaran dan pada penutup PdP berdasarkan kemahiran yang hendak dinilai oleh guru. Sh. Siti Huzimah (2019) menyatakan bahawa PBD dilaksanakan sepanjang PdP kerana semua aktiviti yang dijalankan di dalam bilik darjah adalah sebahagian daripada PBD. PBD dibuat secara beterusan dalam PdP untuk mendapatkan maklum balas berkaitan dengan peningkatan, kemajuan, kemahiran dan prestasi murid serta membantu guru menyediakan perancangan penambahbaikan dalam PdP (KPM, 2019). Di samping itu juga, guru-guru masih bermasalah dalam menentukan jenis penilaian yang sesuai digunakan. Guru yang bermasalah dalam menentukan jenis pentaksiran yang digunakan menyebabkan murid tidak dapat meningkatkan prestasi mereka kerana tidak mempunyai persaingan dengan rakan-rakan bagi mencapai prestasi yang lebih baik (Jacob & Parkinson, 2015). Maria Vlachou dan Sammy King (2018) berpendapat pelaksanaan PBD dibuat untuk menentukan tahap prestasi murid, menentukan pengetahuan sedia ada murid, menentukan isi pelajaran yang hendak disampaikan serta membuat perancangan penambahbaikan terhadap aktiviti yang akan dilakukan pada atau selepas pentaksiran dilakukan.

Kurangnya mahir membuat penilaian terhadap sesuatu kemahiran juga antara item yang mendapat skor yang rendah. Ini menggambarkan terdapat guru-guru yang masih bermasalah membuat pentaksiran yang tepat terhadap sesuatu kemahiran. Dapatan ini selari dengan Mohd. Isa (2013) yang menyatakan bahawa walaupun guru-guru sudah mengikuti pelbagai kursus dan didedahkan dengan banyak ceramah tetapi masih ramai antara mereka belum mahir membuat pentaksiran pencapaian murid dengan tepat. Melaksanakan PBD yang berkesan memerlukan seorang guru yang berkemahiran tinggi dalam PBD (Masfarizah & Yusoff, 2020).

Guru-guru juga masih kurang pasti dalam memberi gred pencapaian murid yang tepat. Kesukaran menentukan gred yang sesuai berdasarkan pertimbangan profesional guru boleh menyebabkan pentaksiran tidak dapat menentukan prestasi sebenar individu murid di dalam bilik darjah. PBD dijalankan untuk minilai secara menyeluruh terhadap tahap penguasaan dan prestasi murid (Sihes, 2017). PBD menilai prestasi setiap orang murid melalui aktiviti yang dilaksanakan di sepanjang PdP dijalankan. Maklumat ini juga membantu guru-guru untuk menyediakan aktiviti PdP yang lebih bersistematik berdasarkan tahap keupayaan murid yang sebenar. Creswell dan Clark (2017) juga berpendapat bahawa tingkah laku guru boleh menentukan tahap kepercayaan seseorang individu. Pemberian gred atau tahap pencapaian yang tepat dapat membantu meningkatkan prestasi akademik serta motivasi mereka untuk terus membaiki kelemahan diri. Senin dan Asri (2019) mendapati masih ramai guru memberi komen refleksi yang tidak spesifik dan kurang memberi rangsangan yang positif terhadap usaha murid. Komen guru tidak mengutamakan maklum balas mengenai kekuatan dan kelemahan murid.

Dapatan kajian ini juga menunjukkan guru masih bermasalah dalam menyediakan instrumen pentaksiran yang standard serta mempunyai kesahan dan kebolehpercayaan yang tinggi. Guru-guru masih kurang yakin dengan ketepatan instrumen penilaian yang digunakan untuk menilai tahap sebenar keupayaan muridnya. Abdullan et al. (2020) juga menyatakan bahawa guru kurang berkebolehan menjalankan pentaksiran berdasarkan ketetapan yang dinyatakan dalam DSKP. Guru tidak mampu menetapkan tahap pencapaian dan standard prestasi dalam DSKP boleh menyebabkan penguasaan ditaksir begitu sahaja tanpa memberi makna kepada murid. Dalam merancang PdP guru perlu merungkai DSKP dengan mendalam supaya PBD dapat diaplikasikan dengan berkesan (Arumugham, 2020). Membuat penambahbaikan terhadap strategi pengajaran semasa melaksanakan PdP dapat menentukan tahap penilaian serta mampu membantu murid mengatasi masalah mereka dalam pembelajaran. Kemahiran guru membina instrumen penilaian, menetapkan tahap pencapaian, membuat rumusan yang tepat terhadap keputusan pentaksiran serta berkebolehan menjalankan pelbagai jenis pentaksiran memberi keyakinan terhadap ibu bapa dan membantu mereka untuk meningkatkan pencapaian prestasi murid (Lim et al., 2014).

Walaupun kebanyakan guru memahami konsep PBD dengan jelas tetapi mereka masih memerlukan bimbingan dalam mengaplikasikan PBD secara lebih efisyen di dalam bilik darjah. Guru-guru telah menguasai pengetahuan yang baik terhadap PBD tetapi mereka masih memerlukan banyak sokongan, latihan dan bimbingan yang lebih sesuai supaya pentaksiran yang dilakukan lebih efektif dan bertepatan dengan kehendak sebenar PBD itu dilaksanakan (Goh, 2008; Hui & Ng, 2008). Bagi membina kualiti guru yang sentiasa menepati kehendak cabaran pendidikan semasa, guru perlu sentiasa menyediakan diri dengan pengetahuan terkini dan kemahiran baharu bagi membentuk sikap yang positif, untuk menghadapi perubahan dalam dunia pendidikan (Ramlah et al., 2015).

Jadual 2
Ujian-t Dimensi Kesediaan Pelaksanaan PBD di Sekolah

Ujian-t Kumpulan Bebas *(Independent Samples Test)*						
Kesediaan Perlaksanaan PBD	*Levene's Test for Equality of Variances*		*t-test for Equality of Means*			
	F	Sig.	t	df	*Sig. (2-tailed)*	*Mean Difference*
Pelaksanaan PBD	2.387	.129	.817	48	.418	.15416
Bahan/Instrumen PBD	4.203	.056	-.406	48	.687	-.05331
Pengredan PBD	3.721	.060	.217	48	.829	.02852
Bimbingan PBD	2.928	.093	1.438	48	.157	.21154
Pengurusan PBD	.069	.794	.313	48	.756	.03848

Ujian-t bagi *Independent Sample Test* dua belah atau hujung *(two tails)* bagi menentukan perbezaan min kesediaan pelaksanaan PBD di sekolah bagi guru lelaki dan guru perempuan pada setiap dimensi menunjukkan bacaan ujian Levene $p > 0.05$. Ini menunjukkan bahawa varian untuk dimensi ini adalah homogenous. Maka, bacaan untuk semua dimensi kesediaan pelaksanaan PBD di sekolah dilaporkan berdasarkan pada bacaan *Equal Variances Assumed.* Bacaan bagi pelaksanaan PBD, nilai t (48, $p = 0.412$) = 0.817, bahan/instrumen PBD, nilai t (48, p=0.687) = - 0.406, pengredan PBD, nilai t (48, p=0.829) = 0.217, bimbingan PBD, nilai t (48, p= 0.157) = 1.438, dan pengurusan PBD, nilai t (48, p=0.756) = 0.313. Semua nilai ini menunjukan nilai $p > 0.05$ tidak signifikan. Oleh itu, ujian-t gagal menolak hipotesis nol. Maka, ini menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan min yang signifikan dalam kesediaan pelaksanaan PBD di sekolah bagi guru lelaki dan guru perempuan.

Jadual 3
Perbezaan Min Berdasarkan Pengalaman Mengajar

Kesediaan Pelaksanaan PBD		**ANOVA** *Sum of Squares*	*df*	*Mean Square*	F	*Sig.*
Pelaksanaan PBD	*Between Groups*	1.498	2	.749	1.859	.167
	Within Groups	18.937	47	.403		
	Total	20.435	49			
Bahan/ Instrumen PBD	*Between Groups*	.661	2	.330	1.701	.194
	Within Groups	9.132	47	.194		
	Total	9.793	49			
Pengredan PBD	*Between Groups*	.238	2	.119	.588	.56
	Within Groups	9.525	47	.203		
	Total	9.763	49			
Bimbingan PBD	*Between Groups*	2.328	2	1.164	5.24	.009
	Within Groups	10.441	47	.222		
	Total	12.769	49			
Pengurusan PBD	*Between Groups*	.451	2	.226	1.302	.282
	Within Groups	8.140	47	.173		
	Total	8.591	49			

Berdasarkan Jadual 3, ujian ANOVA Satu Hala bagi menilai kesediaan pelaksanaan PBD di sekolah oleh guru berdasarkan kategori tempoh pengalaman mengajar menunjukkan bahawa pelaksanaan PBD, nilai F (2, $p = 0.167$) = 1.859, Bahan/ Instrumen PBD, nilai F (2, p=0.194) = 1.701, Pengredan PBD, nilai F (2, p= 0.56) = 0.588, Pengurusan PBD, nilai F (2, p=0.282) = 1.302, maka semua nilai $p > 0.05$ tidak signifikan. Ujian ANOVA gagal menolak hipotesis nol. Ini menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan min yang signifikan dalam penilaian kesediaan pelaksanaan PBD bagi dimensi pelaksanaan PBD, bahan/instrumen PBD, pengredan PBD dan pengurusan PBD bagi guru berdasarkan tempoh pengalaman mengajar mereka.

Bagi dimensi bimbingan PBD, nilai F (2, p=0.009) = 5.24, p<0.05, signifikan. Dalam Jadual 4, dijelaskan bacaan ANOVA bagi dimensi bimbingan PBD. Bagi dimensi bimbingan PBD, hipotesis nol ditolak, iaitu terdapat perbezaan yang signifikan di antara pengalaman mengajar guru.

Jadual 4
Dimensi Bimbingan PBD

ANOVA Satu Hala					
Bimbingan PBD					
	Sum of Squares	df	Mean Square	F	Sig.
Between Groups	2.328	2	1.164	5.24	.009
Within Groups	10.441	47	.222		
Total	12.769	49			

Analisis *Post-hoc* dalam Jadual 5, bagi memperincikan perbandingan antara kumpulan pengalaman mengajar. Dalam Jadual *Multiple Comparisons* yang menggunakan ujian Tukey memaparkan bahawa terdapat perbezaan min yang signifikan bagi kumpulan pengalaman 1-4 tahun dengan kumpulan

pengalaman 9 tahun ke atas. Wajaran kumpulan pengalaman 1-4 tahun lebih besar daripada wajaran kumpulan pengalaman 9 tahun ke atas. Perbezaan min wajaran kumpulan pengalaman 1-4 tahun dengan kumpulan pengalaman 5-8 tahun adalah tidak signifikan walaupun min kumpulan pengalaman 1-4 tahun lebih kecil berbanding min kumpulan pengalaman 5-8 tahun ke atas. Bagi min bimbingan PBD kumpulan pengalaman 5-8 tahun dengan kumpulan pengalaman 9 tahun ke atas, tidak signifikan. Min bimbingan PBD bagi kumpulan pengalaman 5-8 tahun lebih besar daripada min kumpulan pengalaman 9 tahun ke atas.

Jadual 5
Perbandingan Antara Kumpulan Pengalaman Mengajar

Multiple Comparisons

Dependent Variable: Bimbingan PBD
Tukey HSD

(I) pengalaman	(J) pengalaman	*Mean Difference* (I-J)	Std. Error	Sig.	95% *Confidence Interval*	
					Lower Bound	*Upper Bound*
1 - 4 tahun	5 - 8 tahun	.47810	.21574	.079	-.0440	1.0002
	9 tahun ke atas	.64286*	.19917	.006	.1608	1.1249
5 - 8 tahun	1 - 4 tahun	-.47810	.21574	.079	-1.0002	.0440
	9 tahun ke atas	.16476	.15081	.523	-.2002	.5297
9 tahun ke atas	1 - 4 tahun	-.64286*	.19917	.006	-1.1249	-.1608
	5 - 8 tahun	-.16476	.15081	.523	-.5297	.2002

**. The mean difference is significant at the 0.05 level.*

Analisis ini juga menunjukkan min wajaran paling tinggi ialah kumpulan pengalaman 1-4 tahun ke atas, diikuti kumpulan pengalaman 5-8 tahun, dan kumpulan pengalaman 9 tahun ke atas yang mempunyai nilai min yang terkecil bagi elemen bimbingan PBD di sekolah. Data ini mengambarkan bahawa guru-guru baharu lebih memahami dan dapat menerima perubahan lebih mudah berbanding guru-guru yang senior. Oleh itu guru-guru perlu diberi latihan dan kursus yang bersesuian untuk memastikan kompetensi mereka untuk melaksanakan perubahan yang telah diperkenalkan (Kwiek & Szadkowski, 2018). Guru-guru yang mempunyai kompetensi untuk melaksanakan sesuatu program yang baharu diperkenalkan selalunya sudah mempunyai pengalaman dan pengetahuan tentang program yang diperkenalkan (Keddie et al.' 2018). Namum bagi PBD adalah sesuatu yang baharu diperkenalkan kepada guru-guru senior telah memiliki pengalaman dan pengetahuan dalam pentaksiran berasaskan peperiksaan. Keadaan ini menyebabkan mereka sangat perlahan untuk menerima perubahan dalam PBD berbanding guru-guru baharu.

KESIMPULAN

Meskipun secara keseluruhannya tahap pengetahuan guru-guru terhadap PBD ini adalah pada tahap yang tinggi, dan amat memberangsangkan, namun haruslah kita selidiki dan teliti terlebih dahulu setiap butiran kejayaan tersebut. Kejayaan pelaksanaan PBD ini di sekolah-sekolah tidak boleh kita lihat daripada luaran semata-mata. Kejayaan yang sebenar adalah sekiranya setiap elemen tersebut telah berada pada tahap yang tinggi. Perkara ini dapat kita renungkan melalui dapatan kajian ini, misalnya masih terdapat guru-guru yang bermasalah dalam melaksanakan PBD dengan tepat, bermasalah dalam menentukan jenis penilaian yang sesuai, kurang mahir menilai kemahiran, tidak yakin dalam memberi gred, kurang mahir menyediakan instrumen penilaian, dan seumpamanya. Ada dalam kalangan guru yang melaksanakan PBD bermotifkan untuk pembelajaran manakala ada pula yang memberi penekanan terhadap TP. Walaupun kedua-dua aspek ini mempunyai kepentingan dalam pelaksanaan PBD namun tumpuan terhadap TP menyebabkan guru kurang memberi perhatian kepada proses perkembangan pembelajaran murid. Jika keadaan ini berterusan dan tidak diambil tindakan yang sewajarnya, nescaya pentaksiran yang dibuat dalam PBD ini tidak akan memberikan gambaran pencapaian murid-murid yang sebenarnya, dan pentaksiran seumpama ini hanyalah sia-sia sahaja. Sedangkan motif utama PBD yang sebenar adalah mementingkan proses perkembangan

pembelajaran murid berbanding dengan pencapaian. Oleh itu, semua pihak yang terlibat secara langsung mahupun secara tidak langsung dalam pelaksanaan PBD ini haruslah memandang serius perkara ini, bagi memartabatkan mutu pendidikan di negara kita.

RUJUKAN

Ahmad, A., & Mahamod, Z. (2016). Tahap kemahiran guru bahasa melayu sekolah menengah dalam melaksanakan pentaksiran berasaskan sekolah berdasarkan jantina, opsyen dan tempat mengajar. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu, 5*(1), 18-29

Arumugham, K. S. (2020). Kurikulum, pengajaran dan pentaksiran dari perspektif perlaksanaan pentaksiran bilik darjah. *Asian People Journal, 3*(1), 152-16.

Black, P., & William, D. (2018). Classroom assessment and pedagogy. *Assessment in Education: Principles, Policy & Practice*, *25*(6), 551-575.

Bong, P. Y., Noriati A. Rashid, & Sharifah Fakhriah Syed Ahamad (2017). *Murid dan Pembelajaran.* Oxford Fajar Sdn. Bhd.

Cresswell, J. W., & Clark, V. L. P. (2017). *Designing aand conducting mixed methods research*. Sage Publications.

Eyisi Daniel. (2016). The usefulness of qualitative and quantitative approaches and methods in researching problem-solving ability in science education curriculum. *Journal of Education Practice, 7*(15), 91-100.

Halimah Jamil, & Rozita Radhiah Said (2019). Perlaksanaan penskoran lisan Bahasa Melayu dalam pentaksiran bilik darjah, *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, *9*(25-36)

Keddie A., Gobby, B., & Wilkin, C. (2018). School autonomy reform in Queensland: Govenance, freedom and the entrepreneurial leader: *School Leadership & Management, 38*(4), 374-394

KPM. (2018). *Panduan Perlaksanaan Pentaksiran Bilik Darjah*. Bahagian Pembangunan Kurikulum.

Lim, H. L., Wun, T. Y., & Chew, C. M. (2014). Enhancing Malaysians teachers' assessment literacy. *International Eduaction Studies, 7*(10): 74-82

Mazarul Hasan Mohamad Hanapi, Norazimah Zakaria, & Suhaila Muner. (2021). Tahap Kesediaan Guru Sekolah Rendah di Daerah Klang, Selangor dalam Perlaksanaan Pentaksiran Bilik Darjah dari aspek Pengetahuan. *International Journal of Modern Education, 3*(9).

Mohd. Isa, N., & Abu Naim, H. (2013). *Kajian Keperluan Pembinaan Modul Pentaksiran Berasaskan Sekolah Bagi Tajuk Dinamik Dalam Mata Pelajaran Sains Tingkatan 2*. 2nd International Seminar on Quality and Affordable Education. Universiti Teknologi Malaysia.

Ramlah Ab. Khalid, Jamil Ahmad, & Analisa Hamdan. (2015). pembentukan sikap positif guru terhadap pelaksanaan aktiviti pentaksiran. *Journal of Personalized Learning, 1*(1), 77-84.

Ravikumar Varatharaj. (2015). Amalan pentaksiran dalam PdP kurikulum standard sekolah rendah di sekolah kluster. *Jurnal Dedikasi*, 9, 1-17.

Senin Khamis, & Asri Selamat. (2019). The use of feedback in the classroom assessment: A case study. *International Journal of Academic Research in Progressive Education and Development, 8*(3), 325-334.

Siti Hayati Mohd Yusoff, & Lee, H. Y. (2018). Pengetahuan dan kesediaan guru PSV Hilir Perak dan Bagan Datuk dalam melaksanakan PBS dalam PdP. *Jurnal Penyelidikan Dedikasi, 14*.

Sh. Siti Huazimah Wan Omar. (2019). Pengetahuan, Kemahiran, sikap dan masalah guru dalam melaksanakan pentaksiran bilik darjah Bahasa Melayu di sekolah rendah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu 9*(1): 56-67

Suzana Abd Mutalib, & Jamil Ahmad. (2012). kepelbagaian aras soalan lisan dalam pentaksiran formatif bagi subjek Geografi. *Sains Humanika*, *59* (1), 103-108

Tan, J. Y., & Husaina Banu Kanayathulla. (2020). Pentaksiran bilik darjah dan prestasi murid Sekolah Jenis Kebangsaan Cina di Hulu Langat, Selangor. *Jurnal Kepimpinan Pendidikan, 7* (3).

INTEGRATING MINECRAFT WITH THE 5E INSTRUCTIONAL MODEL IN TEACHING FRACTIONS: AN INVESTIGATION OF PUPILS' PROBLEM-SOLVING SKILLS

Rayner Tangkui, PhD

rayner@ipgm.edu.my

Institut Pendidikan Guru Kampus Keningau, Keningau, Sabah

ABSTRACT

Problem-solving has been identified as an essential skill in mathematics that learners need to master as it involves the application of logical reasoning and critical thinking to find solutions to complex problems. However, problem-solving is a complex and difficult process for learners to master. Therefore, the aim of this study is to identify the effectiveness of integrating Minecraft and the 5E instructional model in enhancing and retaining pupils' problem-solving skills, especially in solving fractional problems. The study sample consisted of 63 Year 5 pupils in two intact classes which were selected through cluster sampling. The control group consisted of 31 pupils while the treatment group consisted of 32 pupils. Data were obtained through a pretest and posttest which were administered and analyzed to identify pupils' achievement in fractions as well as a delayed posttest to identify the retention of problem-solving skills among pupils in the treatment group. Findings of the study showed that there is a significant difference in the posttest mean achievement score, $t(63) = -3.43$, $p < .05$, with the treatment group obtaining a higher mean achievement score compared to the control group while the result of the one-way repeated measures ANOVA indicated that the integration of Minecraft and the 5E instructional model in the teaching and learning of fractions is effective in retaining pupils' problem-solving skills. It can be concluded that pupils' problem-solving skills in mathematics can be significantly enhanced and retained through the integration of Minecraft and the 5E instructional model.

Keywords : Minecraft, 5E instructional model, problem-solving, fractions, mathematics

ABSTRAK

Penyelesaian masalah telah dikenal pasti sebagai kemahiran penting dalam matematik yang perlu dikuasai oleh pelajar kerana ia melibatkan penggunaan penaakulan logik dan pemikiran kritis untuk mencari penyelesaian bagi masalah yang kompleks. Walau bagaimanapun, penyelesaian masalah adalah proses yang kompleks dan sukar untuk dikuasai oleh murid. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti keberkesanan penyepaduan Minecraft dan model pengajaran 5E dalam meningkatkan dan mengekalkan kemahiran menyelesaikan masalah murid, terutamanya dalam menyelesaikan masalah pecahan. Sampel kajian terdiri daripada 63 orang murid Tahun 5 dalam dua kelas asal yang dipilih melalui persampelan kluster. Kumpulan kawalan terdiri daripada 31 orang murid manakala kumpulan rawatan terdiri daripada 32 orang murid. Data diperoleh melalui ujian pra dan ujian pasca yang ditadbir dan dianalisis untuk mengenal pasti pencapaian murid dalam pecahan serta ujian pasca lanjutan untuk mengenal pasti pengekalan kemahiran menyelesaikan masalah dalam kalangan murid bagi kumpulan rawatan. Dapatan kajian menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan dalam skor min pencapaian ujian pasca,

t(63) = -3.43, p <.05, dengan kumpulan rawatan memperoleh skor min pencapaian yang lebih tinggi berbanding kumpulan kawalan manakala keputusan ANOVA langkah berulang sehala menunjukkan bahawa penyepaduan Minecraft dan model pengajaran 5E dalam pengajaran dan pembelajaran pecahan adalah berkesan dalam mengekalkan kemahiran menyelesaikan masalah murid. Dengan ini, dapat disimpulkan bahawa kemahiran menyelesaikan masalah murid dalam matematik boleh dipertingkatkan dan dikekalkan dengan ketara melalui penyepaduan Minecraft dan model pengajaran 5E.

Kata kunci: Minecraft, Model Pengajaran 5E, penyelesaian masalah, pecahan, matematik

INTRODUCTION

The teaching and learning of mathematics play a crucial role in education and have far-reaching implications for individuals and society as a whole. Mathematics is not just a subject; it is a discipline that develops critical thinking, problem-solving, logical reasoning skills and analytical skills especially among pupils. The rapid change in industrial and technological activities catalyzed by the Fourth Industrial Revolution (IR 4.0) (Prause & Atari, 2017) as well as the advancement of digital technology has created an uncertain environment for future workforce (Husin et al., 2021; National Skills Commision; 2020). Karagözoğlu (2017) and Van Laar et al. (2017) stated that the rise of sophisticated automation and artifical intelligence has caused repetitive and human-centric tasks to be shifted to a more automated manner and future workers need to be equipped with 21st century skills to enable them to deal with these technological complexities. Individuals who are proficient in 21st century skills such as thinking skills, emotional and social skills as well as attitudinal skills will be able to work in fields that are harder to automate such as working on non-routine tasks and tasks that require the use of cognitive skills (Lamb et al., 2017; Ra et al., 2019).

Therefore, the role and importance of mathematics education has become significant particularly to equip pupils with skills that will enable them not only to have a comprehensive and practical grasp of mathematical concepts (Kado, 2021) but also to effectively solve real-world situations using mathematics (Afni & Hartono, 2020). By realizing that the teaching and learning methods used by teachers affects pupils' performance, achievement and engagement in mathematics, efforts should be made to apply effective and efficient teaching approaches and strategies in the teaching and learning of mathematics to improve pupils learning and achievement (Dulonsky et al., 2013) as well as solve real-world problems (Tezer & Cumhur, 2017).

The integration of Information and Communication Technology (ICT) in teaching and learning has shown to facilitate effective and active learning (Jamieson-Procter et al., 2013) which stimulates and improves pupils' understanding and learning experience of topics (Ghavifekr & Rosdy, 2015) such as fractions. ICT provides access to technology-based equipment and software, which not only supports active learning (Jorge et al., 2003) but also increase pupils' engagement and motivation to perform tasks (Carstens et al., 2021). Moreover, ICT enables pupils to learn at their own pace and in any location (Al-Azawei et al., 2016). Digital games have become a prevalent form of ICT utilized in teaching and learning. The integration of digital games in educational settings has given rise to the implementation of digital game-based learning, which has shown promising outcomes. Tangkui and Keong (2021) highlighted the significance of digital games in mathematics education, as they engage pupils and foster interactive learning experiences. By transforming conventional learning materials into active ones, digital games enable pupils to assume the role of players and active participants in their learning process. At the same time, teachers should also consider the use of the 5E instructional model in the teaching and learning of mathematics as it provides a comprehensive framework that promotes meaningful and

engaging learning experience. Therefore, the use of digital games, particularly Minecraft, and the 5E instructional model in the teaching and learning of mathematics should be considered in an effort to improve pupils' problem-solving skills. At the same time, teachers should also consider the use of the 5E instructional model in the teaching and learning of mathematics as it provides a comprehensive framework that promotes meaningful and engaging learning experiences. The 5E model, consisting of the stages of Engage, Explore, Explain, Elaborate, and Evaluate, encourages pupil-centered and inquiry-based learning. Furthermore, the integration of digital games, particularly Minecraft, with the 5E instructional model can be highly beneficial in enhancing pupils' problem-solving skills in mathematics.

LITERATURE REVIEW

Minecraft

Minecraft is an open world digital game with a *sandbox* concept. In the context of digital games, open worlds are game mechanics that offer a virtual world for players to explore (Sefton, 2008). A digital game with a *sandbox* concept does not set specific objectives to be achieved and gives freedom for players to explore, interact and modify the environment of the virtual world (Kuhn, 2017). Thus, Minecraft is a digital game that allows players to explore without a clear ending or objectives to be achieved (Donellan, 2019). Players will use various materials in Minecraft, especially 3D cubes to build concrete objects according to the player's imagination which is done by collecting, breaking, reconstructing, removing and placing the 3D cubes randomly in Minecraft (Bos et al., 2014; Ekaputra et al., 2013; Kim & Park, 2018; Lane et al., 2017; Mojang, 2015; Nebel et al., 2016). Tangkui and Keong (2021) has highlighted the potential of using Minecraft to teach fractions as shown in Figure 1 and Figure 2. Figure 1 shows how a fraction is represented in Minecraft while Figure 2 shows the constructed concrete objects for fractional problem-solving activities.

Figure 1
Fraction Model



Figure 2
Constructed Concrete Objects for Fractional Problem-solving



The 5E Instructional Model

The 5E instructional model is a framework used in science education to guide the teaching and learning process. It is a pupil-centered approach that encourages active engagement, critical thinking and conceptual understanding, thus providing a structured approach to engage pupils in inquiry-based learning based on the constructivist theory of learning (Bybee et al., 2006; Cakir, 2017). While originally developed for science education, the 5E instructional model's inquiry-based and pupil-centered approach aligns well with the goals of mathematics education which include promoting problem-solving and mathematical reasoning (Bybee, 2009). This instructional model consists of 5 phases designed to foster active participation and exploration among students. The phases include Engage, Explore, Explain, Elaborate and Evaluate.

In the Engage phase, teachers captivate pupils' attention and foster curiosity by presenting real-life problems that are directly relevant to the mathematical concept being taught. This phase stimulates pupils' interest and activates their prior knowledge. In the Explore phase, pupils investigate and explore the mathematical concept through hands-on activities, experiments or problem-solving tasks. This stage encourages active participation, collaboration and critical thinking which enable pupils to construct their understanding of the concept. In the Explain stage, teachers provide explanations, demonstrations as well as conduct discussions to clarify misconceptions and deepen pupils' understanding. This phase aims to provide a solid foundation of knowledge and ensure pupils grasp the key concepts. In the Elaborate phase, pupils are encourage to apply their understanding of the concept to solve problems by transferring their knowledge to different contexts while in the Evaluate phase, teachers assess pupils' learning progress and provide feedback (Bakri & Adnan, 2021; Jerry & Jamaludin, 2021).

Problem-Solving in Mathematics

According to the mathematics curriculum in Malaysia, the primary emphasis of teaching and learning in mathematics is on problem-solving (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2018; Maslinah, 2016). This aligns with the objectives outlined in the Malaysian Education Blueprint 2013-2025, which aims to prioritize problem solving within the Malaysian education system (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2012). In a broader global context, problem-solving skills are recognized as

essential components of mathematics curricula worldwide (Liljedahl et al., 2016). This is due to the fact that problem-solving abilities are crucial for pupils to effectively address everyday challenges, particularly those involving mathematical concepts and applications (Gurat, 2018).

Skala Likert 4-Poin (1- Sangat Tidak Setuju, 2- Tidak Setuju, 3- Setuju, 4-Sangat Setuju) digunakan dalam kajian ini atas pertimbangan mengelakkan responden menyalahgunakan titik tengah (midpoint) seperti mana dalam Skala Likert 5-Poin (Seung, 2017). Penggunaan skala 4-poin dengan mengeluarkan titik tengah (*midpoint*) atau pendapat neutral (*neutral opinion*) adalah sesuai memandangkan responden kajian ini tidak menghadapi tekanan sosial atau kesukaran menyatakan pandangan mereka kerana soalan - soalan kajian tidak menyentuh isu-isu sensitif atau boleh meletakkan mereka dalam situasi yang sukar dan merbahaya. Sebaliknya, responden berkemungkinan menggunakan titik tengah (dalam skala 5 poin) sebagai satu cara memberikan respon yang lebih mudah diterima oleh masyarakat atau mereka tidak berminat dengan isu kajian. Oleh itu, kajian ini menggunakan skala 4-poin setelah mempertimbangkan logik dan kesesuaiannya untuk tajuk kajian ini.

Kajian ini mengumpul kedua-dua jenis data kuantitatif dan kualitatif. Dengan ini, data di Bahagian A dianalisis dalam bentuk peratusan, data di Bahagian B dianalisis dalam bentuk skor min manakala data di Bahagian C dianalisis secara kualitatif bertema.

Responden Kajian

Responden kajian terdiri daripada 65 orang guru pelatih PISMP Ambilan Jun 2018 dan 2019 berpengkhususan Bahasa Melayu, TESL, Sejarah, dan Bahasa Cina. Mereka telah lengkap mengambil kursus Keupayaan Kewangan, KKWK3013 sebagai salah satu kursus elektif terbuka.

Demografi Responden

Terdapat 65 orang responden yang mengambil bahagian dalam kajian ini. Antaranya ialah 14 orang guru pelatih lelaki (21.5%) dan 51 orang guru pelatih perempuan (78.5%). Rajah 1 menunjukkan komposisi jantina responden.

Rajah 1
Komposisi Jantina Responden



PERBINCANGAN

Dapatan Persoalan Kajian 1:

Berdasarkan hasil analisis data, didapati semua responden menyambut baik dengan penawaran kursus Keupayaan Kewangan KKWK3013 sebagai salah satu kursus elektif terbuka di peringkat IPG. Ini jelas daripada respon mereka terhadap tujuh (7) pernyataan yang dikemukakan yang memerlukan responden menjawab mengikut tahap persetujuan mereka dalam 4 skala iaitu 1- Sangat Tidak Setuju, 2- Tidak Setuju, 3- Setuju dan 4-Sangat Setuju. Jadual 1 menunjukkan skor min bagi setiap pernyataan persetujuan kesedaran.

Jadual 1
Skor min mengikut pernyataan persetujuan kesedaran

Pernyataan Persetujuan Kesedaran	Skor Min
(a) Celik kewangan	3.80
(b) Sumber pendapatan dan kerjaya	3.78
(c) Tanggungjawab dan membuat keputusan kewangan	3.85
(d) Simpanan dan pelaburan	3.74
(e) Pengurusan kredit dan hutang	3.82
(f) Pengurusan risiko dan insurans	3.71
(g) Isu dan trenda kewangan semasa	3.71

Data menunjukkan ketujuh-tujuh pernyataan berada pada aras melebihi skor min 3.70 iaitu di antara skala 3 (Setuju) dan skala 4 (Sangat setuju). Selepas para guru pelatih didedahkan dengan pelbagai pengetahuan tentang keupayaan kewangan dalam kursus KKWK3013, mereka berpendapat bahawa kesedaran mereka terhadap 'Tanggungjawab dan membuat keputusan kewangan' adalah paling tinggi, seterusnya diikuti dengan 'Pengurusan kredit dan hutang', 'Celik kewangan', 'Sumber pendapatan dan kerjaya', 'Simpanan dan pelaburan', 'Pengurusan risiko dan insurans' dan 'Isu dan trenda kewangan semasa'. Rajah 2 menunjukkan skor min bagi setiap pernyataan persetujuan kesedaran.

Rajah 2
Skor Min Bagi Setiap Pernyataan Persetujuan Kesedaran



Dapatan Persoalan Kajian 2:

Kesemua responden bersetuju bahawa adalah menjadi satu keperluan untuk mendedahkan pengetahuan dan kemahiran pengurusan kewangan kepada murid-murid sekolah rendah pada peringkat awal. Daripada hasil analisis hujah dan alasan responden, data dapat dikategorikan kepada enam (6) tema utama seperti berikut:

Tema 1: Celik kewangan harus dipupuk dari awal.
Kanak-kanak seperti murid sekolah rendah telah mempunyai wang saku yang diberikan oleh ibu bapa untuk perbelanjaan di sekolah. Mereka juga mempunyai pengalaman melakukan transaksi wang. Oleh itu, golongan ini perlu didedahkan dengan kemahiran pengurusan wang supaya menggunakan wang dengan betul dan bersesuaian dan seterusnya menjadi asas pemupukan celik kewangan dari awal zaman persekolahan dan ke peringkat dewasa seterusnya.

Tema 2 : Persediaan menempuh zaman dewasa.
Kanak-kanak perlu bersedia menempuh zaman dewasa dan kesedaran kepentingan menabung (mempunyai simpanan wang) dan pelaburan. Ini umpama sediakan payung sebelum hujan kerana simpanan wang amat diperlukan untuk kegunaan masa-masa kecemasan dan masa depan. Menurut Institut Penyelidikan Khazanah, hanya 11% rakyat Malaysia yang mempunyai simpanan yang cukup untuk menghadapi kegawatan ekonomi (AIA, 2022). Seseorang itu perlu berdisiplin dengan menyimpan sejumlah wang dari gaji bulanan walaupun dalam jumlah yang kecil. Begitu juga dengan kanak-kanak yang mempunyai wang belanja perlu mengamal dan memupuk sikap menabung. Amalan baik ini dapat diteruskan ke zaman dewasa yang mempunyai peluang yang lebih terbuka untuk melabur dalam pelbagai jenis pelaburan di pasaran sama ada untuk jangka panjang atau jangka pendek, unit amanah, saham hartanah, Bon, Real Estate Investment Trust (REIT), insurans dan Skim Persaraan Swasta (SPS) seperti KWSP.

Tema 3: Membezakan antara keperluan dan kehendak.
Dengan adanya pendedahan awal tentang pengurusan kewangan dan kepentingan pengurusan kewangan dengan baik dan bijak, maka mereka juga dapat membezakan antara keperluan dan kehendak dan mengamalkan sikap berjimat cermat. Dengan kata lain, mereka dapat mengendalikan wang secara berhemah walaupun hanya mempunyai wang saku yang kecil kuantitinya. Menurut Profesor Kanan Fakulti Ekonomi dan Perniagaan Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS), Prof Datuk Dr Shazali Abu Mansor, terdapat perbelanjaan yang boleh dikurangkan atau tidak diperlukan seperti membeli kereta

dan telefon bimbit baharu yang dianggap sebagai satu keperluan. Adalah penting untuk rakyat dididik dengan budaya menabung sejak kecil lagi dan bukannya ketika mereka sudah mencapai usia dewasa (Mohd Nasaruddin Parzi, 2020).

Tema 4: Elakkan peningkatan muflis dalam kalangan belia.
Peningkatan muflis atau bankrupsi adalah satu fenomena yang membimbangkan. Oleh itu, pendedahan awal tentang faktor muflis, risiko dan kesan daripada muflis amat penting dalam meminimakan kejadiannya terutamanya dalam kalangan belia. Sasaran ini boleh dicapai terutamanya apabila murid-murid didedahkan dengan risiko perbelanjaan yang tidak berhemah dan juga sikap suka berhutang di luar kemampuan diri dari segi ekonomi. Ini dapat mengelakkan mereka daripada bankrupsi pada usia muda terutamanya apabila mereka berada di awal kerjaya. Kebanyakan golongan belia mula membuat pinjaman bank untuk pembelian kereta dan rumah apabila mereka mula menjejak kaki di alam pekerjaan. Jika tidak ada pendedahan awal pengetahuan dari segi pinjaman dan hutang, maka kemungkinan akan menjadi satu masalah besar dalam kalangan belia khasnya.

Tema 5: Elakkan diri daripada terjebak dalam mana-mana isu kewangan yang negatif.
Pendedahan awal tentang isu-isu kewangan yang negatif boleh menjadi satu pengisian maklumat yang penting untuk murid-murid. Isu-isu kewangan yang negatif seperti penyalahgunaan kad kredit boleh menjadi satu bebanan yang serius. Penggunaan kad kredit adalah untuk memudahkan urusan pembayaran dan bukan bermaksud seseorang itu memiliki sejumlah wang seperti mana yang terdapat pada kad debit. Pengguna kad kredit boleh terjebak dalam masalah kewangan jika gagal membuat pembayaran minimum yang akhirnya mengenakan faedah yang semakin bertambah dan jumlah tertunggak.

Tema 6: Sedar bahawa bukan senang untuk mendapat wang dan sumber yang sah di sisi undang-undang.
Dalam kursus KKWK3013, guru pelatih didedahkan dengan sumber pendapatan dan sumber pendapatan alternatif. Mereka juga didedahkan dengan jenis-jenis sumber pendapatan yang sah di sisi undang-undang. Implikasi tahap pendidikan ke atas pendapatan dan seterusnya mempengaruhi kualiti kehidupan juga antara isi pelajaran kursus ini. Pendedahan dan maklumat seperti ini amat berguna kepada belia dalam merangka corak kehidupan mereka dan juga mengingatkan mereka bahawa bukan senang untuk mendapat wang dan sumber pendapatan jika tanpa usaha gigih dan juga berpegang pada prinsip hidup dengan sumber pendapatan yang sah di sisi undang-undang.

KESIMPULAN

Persepsi guru pelatih terhadap kursus Keupayaan Kewangan adalah sangat positif. Hasil kajian menunjukkan tahap persetujuan yang sangat tinggi dalam kalangan guru pelatih bahawa kursus ini amat membantu dari segi peningkatan kesedaran tentang hal-hal pengurusan kewangan. Mereka juga amat bersetuju bahawa murid-murid sekolah perlu didedahkan dengan pengetahuan dan kemahiran pengurusan kewangan terutamanya pada peringkat usia awal mereka. Generasi muda perlu dibimbing supaya bijak menguruskan kewangan mereka demi kesejahteraan kewangan dan kesejahteraan hidup. Jika tiada pengurusan secara bijak dari segi kewangan, maka akan timbul banyak masalah yang berkait rapat dengan kewangan seperti penipuan, muflis dan rasuah yang akan mengancam kesejahteraan hidup seseorang individu itu malah kepada ahli-ahli keluarga dan seterusnya kepada masyarakat dan negara secara keseluruhannya.

RUJUKAN

AIA. (2022). *5 Panduan Asas Pengurusan Kewangan*. https://www.aia.com.my/ms/what-matters/finance/panduan-asas-pengurusan-kewangan.html

Firdaus Azil (2022, Ogos 8). Simpanan ahli KWSP amat membimbangkan, RM155 bilion telah dikeluarkan. https://www.astroawani.com/berita-malaysia/simpanan-ahli-kwsp-amat-membimbangkan-rm155-bilion-telah-dikeluarkan-mohd-shahar-375093

Institut Pendidikan Guru Malaysia. (2015, Kemaskini Jun 2017). Ringkasan Maklumat Kursus: Keupayaan Kewangan. Putrajaya.

Jabatan Perangkaan Malaysia. (2020). *Laporan Survei Khas Kesan COVID-19 Kepada Ekonomi dan Individu (Pusingan 1)*. https://www.dosm.gov.my/v1/uploads/files/covid-19/Analisis_Survei_Khas_Kesan_COVID-19_Kepada_Ekonomi_dan_Individu-Laporan_Penuh.pdf

KPM. (2016a). *Kurikulum Standard Sekolah Rendah Matematik: Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran Tahun 1 (Edisi Bahasa Inggeris)*. Bahagian Pembangunan Kurikulum.

KPM. (2016b). *Kurikulum Standard Sekolah Rendah Matematik: Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran Tahun 2 (Edisi Bahasa Inggeris).* Bahagian Pembangunan Kurikulum.

KPM. (2016c). *Kurikulum Standard Sekolah Rendah Matematik: Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran Tahun 5 (Edisi Bahasa Inggeris).* Bahagian Pembangunan Kurikulum.

KPM. (2017a). *Kurikulum Standard Sekolah Rendah Matematik: Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran Tahun 3 (Edisi Bahasa Inggeris*). Bahagian Pembangunan Kurikulum.

KPM. (2017b). *Kurikulum Standard Sekolah Rendah Matematik: Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran Tahun 6 (Edisi Bahasa Inggeris)*. Bahagian Pembangunan Kurikulum.

KPM. (2018). *Kurikulum Standard Sekolah Rendah Matematik: Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran Tahun 4 (Edisi Bahasa Inggeris).* Bahagian Pembangunan Kurikulum.

Marziah Mokhtar, Sabariah Yusoff, Shahariah Asmuni, & Nur Ain M. Fauzi. (2020). An insight into online shopping behaviour among young adults in Malaysia. *Journal of Emerging Economies & Islamic Research*, 8(1), 77-88. http://myjms.moe.gov.my/index.php/JEEIR

Mohamad Rizal. (2020). Online Scammers and Their Mules in Malaysia. *JUUM*, 65-72. https://doi.org./10.17576/juum-2020-26-08.

Mohd Nasaruddin Parzi (2020, Oktober 31). *Pengurusan kewangan lemah punca gagal menyimpan*. Berita Harian. https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/10/748282/pengurusan-kewangan-lemah-punca-gagal-menyimpan

Muhammad Adnan Pitchan, & Siti Zobidah Omar. (2019). Dasar Keselamatan Siber Malaysia: Tinjauan Terhadap Kesedaran Netizen dan Undang-Undang. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 35 (1), 103-119. http://journalarticle.ukm.my/13171/1/30796-98936-1-PB.pdf

Muhammad Yusri Muzamir (2022, November 16). Simpanan 3.6 juta ahli KWSP kurang RM1000. https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/11/888295/simpanan-36-juta-ahli-kwsp-kurang-rm1000

Nasuha Badrul Huzaini (2019, Disember 11). *60 peratus muflis adalah golongan muda-Bank Dunia*. Berita Harian. https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2019/12/637714/60-peratus-muflis-adalah-golongan-muda-bank-dunia

Neeraj Mathur .(2015). Perceived Risks towards Online Shopping: An Empirical Study of Indian Customers. *IJEDR*, 3(2).

Pejabat Pesuruhjaya Perlindungan Data Peribadi Malaysia. (2019). Buku Laporan Tahunan: Laporan Tahunan Pesuruhjaya Perlindungan Data Peribadi.

Salbiah Nur Shahrul Azmi, Suzana Ab. Rahman, Suhailah Ibrahim, Nurulhayah Muhamad, & Maryam Mohd Esa. (2018). Amalan Pengurusan Kewangan Mahasiswa. *Jurnal Inovasi Perniagaan*, 3(2), 9-23. https://kuim.edu.my/journal/index.php/JBI/article/view/541/452

Seung, Y.C. (2017). Evidence-Based Survey Design: The Use of a Midpoint on the Likert Scale. *Performance Improvement*, 56(10),15-23. https://doi: *10.1002/pfi.21727*

TAHAP PENGUASAAN KEMAHIRAN INSANIAH PELAJAR KELUARAN IPG KAMPUS BATU LINTANG BAGI PISMP AMBILAN JUN 2015 DAN JUN 2016

Tiwi Kamidin, PhD

tiwi@ipgm.edu.my

IPG Kampus Batu Lintang, Jalan College, 93200 Kuching.

ABSTRAK

Kajian tinjauan telah dijalankan untuk meninjau tahap kemahiran insaniah dalam kalangan bekas pelajar Institut Pendidikan Guru Kampus Batu Lintang (IPGKBL) yang telah ditempatkan di sekolah. Kajian ini telah dijalankan ke atas 118 orang responden daripada Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP) Ambilan Jun 2015 dan Jun 2016 yang telah ditempatkan di sekolah-sekolah. Responden dipilih melalui persampelan rawak berkelompok. Kemahiran insaniah terdiri daripada tujuh kemahiran iaitu kemahiran kognitif, nilai, etika dan profesionalisme, kepimpinan, autonomi dan tanggungjawab, komunikasi, personal, interpersonal dan digital. Data kajian dianalisis secara deskriptif dengan menggunakan perisian Statistical Package for the Social Sciences (SPSS) 21.0. Dapatan kajian menunjukkan skor min tahap penguasaan kemahiran insaniah adalah tinggi (min=4.05, sp=.205). Kemahiran insaniah yang menunjukkan skor min yang paling tinggi ialah kemahiran nilai, etika dan profesionalisme (min=4.13, sp=.193). Seterusnya, diikuti oleh kemahiran kognitif (min=4.10, sp=.293), kemahiran kepimpinan, autonomi dan tanggungjawab (min=4.06, sp=.306), kemahiran interpersonal (min=4.05, sp=.305, kemahiran personal (min=4.05, sp=.294), kemahiran komunikasi (min=4.00, sp=.285) dan kemahiran digital (min=3.98, sp=.3668). Kesimpulannya, skor min tahap penguasaan kemahiran insaniah dalam kalangan guru baharu lepasan IPGKBL adalah tinggi.

Kata Kunci: kemahiran insaniah, pelajar IPGKBL, PISMP

ABSTRACT

A survey study was conducted to study the soft skills level among former students of the Batu Lintang Campus Teacher Education Institute (Institut Pendidikan Guru Kampus Batu Lintang, IPGKBL) who were posted to schools. This study involved 118 respondents from the Bachelor of Teaching Degree Program (Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan, PISMP) June 2015 and June 2016 intake. Respondents were selected via cluster random sampling. There are seven soft skills which are cognitive

skills, values, ethics and professionalism, leadership, autonomy and responsibility, communication, personal, interpersonal and digital. The data was analyzed descriptively by using the Statistical Package for the Social Sciences (SPSS) 21.0 software. Findings show that the overall mean score of soft skills is high (mean=4.05, sp=.205). Value skills, ethics and professionalism (mean=4.13, sp=.193) showed the highest mean score. Next, it is followed by cognitive skills (mean=4.10, sp=.293), leadership skills, autonomy and responsibility (mean=4.06, sp=.306), interpersonal skills (mean=4.05, sp=.305, personal skills (mean=4.05, sp=.294), communication skills (mean=4.00, sp=.285) and digital skills (mean=3.98, sp=. 3668). In conclusion, novice teachers that were graduated from IPGKBL showed high level mastery of soft skills.

***Keywords**: soft skills; IPGKBL students; PISMP*

PENGENALAN

Misi Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM) ialah melahirkan guru yang kompeten dan berjiwa pendidik melalui program pembangunan guru yang dinamik ke arah Pendidikan sekolah bertaraf dunia. Pendidikan abad ke-21 yang dinyatakan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 pada ketika ini menunjukkan bahawa kemahiran pengajaran dan pengetahuan dalam bidang pendidikan sahaja tidak mencukupi, tetapi mereka juga perlu menguasai setiap komponen dalam kemahiran insaniah (Kamarul et al., 2017). Kemahiran insaniah amat penting kerana kemahiran ini akan memberikan nilai tambah kepada guru pelatih. Oleh itu, pelbagai platform disediakan di Institut Pendidikan Guru (IPG) bagi memastikan guru pelatih mendapat latihan termasuk kemahiran insaniah. Ini kerana, Institut Pendidikan Tinggi (IPT) adalah platform yang paling sesuai untuk membentuk kemahiran insaniah pelajar (Ballantine & Larres, 2007; Norsila Abdul Rahman, 2008; Marzuki et al., 2021).

Istilah kemahiran insaniah membawa maksud yang serupa dengan kemahiran dipindah milik, kemahiran generik, kemahiran kebolehgajian, kemahiran asas dan kemahiran perlakuan (Salleh et al., 2017). Secara lazimnya, istilah yang digunakan merujuk kepada kepelbagaian ilmu, kemahiran dan nilai kehidupan yang perlu ada pada seseorang bagi meningkatkan kebolehpasarannya di dalam dunia pekerjaan (Abbas et al., 2013; Md Rashidi et al., 2018). Kebanyakan istilah memberi tumpuan kepada gambaran personal, sikap, tabiat dan juga tingkah laku (Hazilah Mohd Amin et al., 2013). Boleh disimpulkan, kemahiran insaniah merupakan satu set kemahiran yang bertujuan untuk melengkapkan pembentukan insan yang seimbang dari segi intelek, rohani, emosi dan fizikal, berasaskan pegangan teguh kepada kepercayaan kepada Tuhan.

Di Malaysia, kemahiran insaniah mula diberi penekanan melalui Pelan Induk Pendidikan 2006-2010 (2006). Satu piawai (standard) bagi semua kurikulum dalam pendidikan tinggi di Malaysia harus mempunyai reka bentuk yang menerapkan kemahiran insaniah yang meliputi, (i) kemahiran berfikir, bertindak, mengadaptasi, menyelesai masalah dan membuat keputusan, (ii) kemahiran interpersonal dan

berkomunikasi, (iii) kemahiran teknologi maklumat, multimedia dan kemahiran pengurusan maklumat, (iv) kemahiran kepimpinan, dan (v) kemahiran keusahawanan telah ditetapkan. Di peringkat IPGM, Buku Panduan Kemahiran Insaniah IPGM telah dikeluarkan pada tahun 2019 dan dikemaskini pada Jun 2022 (Pusat Kecemerlangan Akademik, 2022). Kemahiran generik yang terdiri daripada sembilan jenis kemahiran iaitu (i) kemahiran kognitif; (ii) kemahiran interpersonal; (iii) kemahiran komunikasi; (iv) kemahiran digital; (v) kemahiran numerasi; (vi) kemahiran kepimpinan, autonomi dan tanggungjawab; (vii) kemahiran personal; (viii) kemahiran keusahawanan; (ix) kemahiran etika, nilai dan profesionalisme (Pusat Kecemerlangan Akademik, 2022). Selaras dengan perkembangan global, bakal guru perlu disediakan dengan pelbagai kemahiran insaniah.

PERNYATAAN MASALAH

Masalah pengangguran dalam kalangan pelajar IPT menjadi isu negara dan perbincangan hangat di dalam media massa sejak akhir tahun 1990-an. Menurut statistik pengangguran graduan siswazah Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) 2019, graduan siswazah Malaysia meningkat kepada 5.29 juta atau 6.9 peratus lebih tinggi pada 2019 berbanding 4.94 juta pada tahun 2018 (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2019). Pada tahun 2020, kadar pengangguran siswazah pada 2020 naik sebanyak 0.5 mata peratus kepada 4.4 peratus berbanding 3.9 peratus pada tahun sebelumnya (Berita Harian, 2021). Penekanan kepada keupayaan graduan memiliki kemahiran insaniah amat penting kerana, pada hari ini tingkat kebolehpasaran seorang graduan bukan hanya bergantung kepada pencapaian akademik tetapi juga bergantung kepada kemahiran insaniah dan kemahiran praktikal yang dimiliki (Mariana, 2008; Yaasin, 2008; Mohamad Sattar Rasul, et al., 2009; Nik Azma, 2011; Hazilah Mohd Amin et.al., 2013; Ramdan Ali, 2023).

Dapatan kajian Sharifah Hana Abd Rahman et al. (2015) menunjukkan tahap kepuasan majikan secara umumnya bergantung kepada penguasaan ilmu, sahsiah, pembawaan diri yang baik, kemahiran generik yang dimiliki pekerja. Kajian oleh Mahazan et al. (2015) juga mendapati faktor kepimpinan, etika, dan agama memberi kesan kepada peluang pekerjaan manakala kajian Sahlawati Abu Bakar dan Zaidul Amin Suffian Ahmad (2015) menunjukkan industri sangat menitikberatkan nilai agama serta turut menjadi faktor pemilihan pekerja yang berintegriti dan profesional. Kajian oleh Ahmad (2007) mendapati masalah pengangguran graduan universiti masa kini adalah disebabkan kekurangan kemahiran insaniah kerana komponen tersebut kurang diberi perhatian berbanding dengan kemahiran teknikal. Maka, menjadi tanggungjawab sektor pendidikan untuk mengambil tindakan proaktif dalam isu ini. Saemah et al. (2011) menyatakan para majikan sering mencadangkan kepentingan pelajar dalam sistem persekolahan dilengkapi dengan kemahiran insaniah seperti membuat keputusan, berfikir secara kreatif dan kritis. Kadar kebolehpasaran graduan pada tahun 2021 ialah 85.5% berbanding 84.4% pada tahun 2020 (Hawati Abdul Hamid, 2022). Namun, kadar kebolehpasaran yang direkodkan bagi graduan TVET adalah lebih tinggi berbanding bukan TVET. Kadar kebolehpasaran ini menggambarkan keberhasilan usaha membangunkan modal insan namun dapatan menunjukkan antara 2018 hingga 2021, sekitar 40% daripada

graduan bekerja dalam pekerjaan yang tidak memerlukan kelayakan tertiari (Hawati Abdul Hamid, 2022).

Kajian oleh Hiew dan Cheah (2022) mendapati guru kini terpaksa berdepan dengan pelbagai cabaran. Justeru, kemahiran insaniah adalah satu aspek kompetensi yang perlu dimiliki oleh semua guru. Walaupun punca utama pengangguran dalam kalangan graduan siswazah perguruan lepasan universiti tempatan berlaku adalah disebabkan jurusan yang diambil oleh mereka tidak selaras dengan unjuran keperluan guru (Omar Ahmad, 2023); namun guru tetap perlu melengkapkan diri dengan kemahiran insaniah. Ini kerana kemahiran insaniah dapat digunakan dalam pengendalian kelas serta menerapkannya dalam kalangan murid.

Terdapat kajian mendapati kebanyakan guru baharu yang berada dalam transisi dari latihan di institusi dan ditempatkan di sekolah mengalami kejutan kerana mendapati latihan berbeza daripada situasi sebenar (Amin & Othman, 2019). Kajian oleh Tang dan Tan (2015) yang melibatkan guru permulaan dari lima universiti tempatan mendapati pihak pentadbir berpendapat guru permulaan kurang penghayatan dalam aspek etika dan moral profesionalisme dan kurang komited terhadap kerja mereka. Mereka juga dikatakan sering menolak tanggungjawab yang ditugaskan. Kajian yang berterusan sejak tahun 2017 daripada pelbagai institusi dan penyelidik menunjukkan bahawa tahap kepuasan pelanggan daripada perspektif pentadbir sekolah masih boleh dibincangkan dari aspek pengajaran dan pembelajaran (PdP), penyelesaian masalah, komunikasi, pengurusan maklumat dan pembelajaran sepanjang hayat (Mohamad Zuber et al., 2019; Mazni Muhammad et al., 2019). Dapatan laporan maklum balas pelanggan terhadap guru baharu lulusan PISMP IPG Ambilan Jun 2015 menunjukkan kualiti guru dari aspek penyelesaian masalah, komunikasi, pengurusan maklumat dan pembelajaran sepanjang hayat adalah tinggi (IPGM, 2022). Namun masih perlu dorongan dan sokongan dari aspek kesediaan dan keinginan diri menimba ilmu dan meningkatkan profesionalisme diri. Beberapa elemen dalam kepuasan pelanggan adalah berkaitan dengan elemen di dalam kemahiran insaniah. Oleh itu, kajian ini dijalankan bagi meninjau dengan lebih terperinci tahap penguasaan kemahiran insaniah dalam kalangan guru-guru baharu lepasan IPG KBL.

OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian ini ialah:

a. Mengenal pasti tahap kemahiran insaniah dalam kalangan pelajar keluaran IPG KBL bagi program PISMP Jun 2015 dan PISMP Jun 2016.
b. Mengenal pasti perbezaan tahap kemahiran insaniah dalam kalangan pelajar keluaran IPGKBL di antara pelajar PISMP Jun 2015 dan PISMP Jun 2016.

HIPOTESIS

Hipotesis alternatif bagi objektif 2 kajian ini ialah:

H_a1: Terdapat perbezaan skor min tahap penguasaan kemahiran insaniah secara keseluruhan dalam kalangan pelajar keluaran IPG KBL di antara pelajar PISMP Jun 2015 dan PISMP Jun 2016.

H_a2: Terdapat perbezaan skor min tahap penguasaan kemahiran kognitif dalam kalangan guru-guru baharu lepasan IPG Kampus Batu Lintang bagi PISMP Jun 2015 dengan PISMP Jun 2016.

H_a3: Terdapat perbezaan skor min tahap penguasaan kemahiran interpersonal dalam kalangan pelajar keluaran IPG KBL di antara pelajar PISMP Jun 2015 dan PISMP Jun 2016.

H_a4: Terdapat perbezaan skor min tahap penguasaan kemahiran komunikasi dalam kalangan pelajar keluaran IPG KBL di antara pelajar PISMP Jun 2015 dan PISMP Jun 2016.

H_a5: Terdapat perbezaan skor min tahap penguasaan kemahiran digital dalam kalangan pelajar keluaran IPG KBL di antara pelajar PISMP Jun 2015 dan PISMP Jun 2016.

H_a6: Terdapat perbezaan skor min tahap penguasaan kemahiran kepimpinan, autonomi dan tanggungjawab dalam kalangan pelajar keluaran IPG KBL di antara pelajar PISMP Jun 2015 dan PISMP Jun 2016.

H_a7: Terdapat perbezaan skor min tahap penguasaan kemahiran personal dalam kalangan pelajar keluaran IPG KBL di antara pelajar PISMP Jun 2015 dan PISMP Jun 2016.

H_a8: Terdapat perbezaan skor min tahap penguasaan kemahiran nilai, etika dan profesionalisme dalam kalangan pelajar keluaran IPG KBL di antara pelajar PISMP Jun 2015 dan PISMP Jun 2016.

METODOLOGI KAJIAN

Reka bentuk Kajian dan Sampel Kajian

Kajian ini merupakan kajian kuantitatif menggunakan reka bentuk kajian tinjauan. Kajian tinjauan merupakan kajian yang menghurai isu-isu dan masalah dalam pelbagai perspektif terutama melibatkan sikap, pandangan, kepercayaan, perasaan, tingkah laku dan persepsi serta kajian yang mengkaji sesuatu fenomena (IPGM, 2018). Soal selidik dalam bentuk *Google Form* diedarkan kepada guru-guru baharu lepasan IPGKBL yang telah mengajar di sekolah selama satu hingga dua tahun di sekolah. Reka bentuk tinjauan bersesuaian dengan kaedah kuantitatif kerana prosedur tinjauan melibatkan pengumpulan data bernombor untuk dianalisis secara statistik bagi menerangkan fenomena (Muijs, 2011).

Kajian ini menggunakan persampelan rawak berkelompok melibatkan dua kelompok kumpulan bekas pelajar PISMP yang telah bergraduasi dari IPGKBL. Sampel kajian terdiri pelajar keluaran IPG Kampus Batu Lintang daripada program PISMP Ambilan Jun 2015 dan 2016 seramai 205 yang ditempatkan di 87 buah

sekolah di seluruh negara. Namun, hanya 118 orang resonden menjawab soal selidik tersebut. Jadual 1 menunjukkan bilangan sekolah dan bilangan guru baharu yang terlibat di dalam kajian ini termasuk maklumat negeri dan pejabatan pendidikan daerah.

Jadual 1
Bilangan responden

Negeri	PPD	Bilangan Sekolah Terlibat	Bilangan responden
Perak	Manjung	2	2
	Larut/Matang/Selama	1	1
	Hulu Perak	1	1
	Kinta Selatan	1	1
Selangor	Kuala Selangor	2	2
	Klang	1	1
	Petaling Perdana	9	10
	Petaling Utama	1	1
	Hulu Langat	1	1
	Gombak	1	1
Pahang	Cameron Highlands	1	1
	Rompin	1	1
	Lipis	1	1
	Bentong	1	1
Johor	Johor Bahru	1	1
	Pasir Gudang	1	1
	Kulai	1	1
	Batu Pahat	1	1
	Segamat	1	1
Kedah	Langkawi	5	6
Melaka	Alor Gajah	2	2
	Jasin	1	1
	Melaka Tengah	2	2
WP Putrajaya	Putrajaya	1	1
Negeri Sembilan	Rembau	1	1
	Seremban	1	1
Kuala Lumpur	Sentul	2	2
	PPW Bangsar Pudu	2	3
	Keramat	1	1
Sarawak	Lundu	3	3
	Padawan	1	1
	Betong	2	2
	Baram	6	8
	Saratok	2	2
	Subis	4	4
	Limbang	1	1
	Bintulu	2	2
	Lubok Antu	4	5
	Dalat	1	1
	Miri	2	2
	Lawas	2	2
	Julau	2	2
	Daro	1	1
	Belaga	2	2
	Song	2	2
	Tatau/Sebauh	5	6
	Mukah	1	1
	Sri Aman	2	2
	Sibu	1	1
	Kapit	1	1
	Maradong	1	1

Sabah	Tenom		1	2
	Sandakan		1	1
	Kinabatangan		2	3
	Labuk & Sugut		3	3
	Lahad Datu		1	1
	Semporna		1	1
	Sepitang		1	1
	Kuala Penyu		1	1
	Tawau		1	1
		Jumlah	87	205

Instrumen Kajian

Instrumen kajian adalah berdasarkan konstruk kemahiran insaniah dalam Buku Panduan Kemahiran Insaniah IPGM （KP，2019； KPM, 2022). Terdapat sembilan konstruk jenis kemahiran insaniah, iaitu (i) kemahiran kognitif; (ii) kemahiran interpersonal; (iii) kemahiran komunikasi; (iv) kemahiran digital; (v) kemahiran numerasi; (vi) kemahiran kepimpinan, autonomi dan tanggungjawab; (vii) kemahiran personal; (viii) kemahiran keusahawanan; (ix) kemahiran etika, nilai dan profesionalisme. Walau bagaimanapun, bagi tujuan kajian ini, hanya tujuh kemahiran insaniah yang sesuai dengan kajian, iaitu (i) kemahiran kognitif, (ii) kemahiran interpersonal, (iii) kemahiran komunikasi, (iv) kemahiran digital, (v) kemahiran kepimpinan, autonomi dan tanggungjawab, (vii) kemahiran personal dan (vii) kemahiran etika, nilai dan profesionalisme.

Soal selidik terdiri daripada dua bahagian, iaitu Bahagian A ialah latar belakang dan Bahagian B adalah berkaitan konstruk kemahiran insaniah. Soalan terbuka juga ditanya dalam soal selidik tersebut. Soal selidik diedarkan kepada responden dalam bentuk *Google Form*. Instrumen dijawab oleh guru baharu dan pentadbir sekolah secara berasingan. Ujian rintis yang dijalankan menunjukkan nilai kebolehpercayaan *Alpha Cronbach* (α) untuk kajian ini ialah 0.802. Ini bermaksud menepati nilai minimum 0.60 yang sering digunakan untuk mengukur indeks kebolehpercayaan sesuatu instrumen (Pallant, 2013).

DAPATAN KAJIAN

Tahap kemahiran insaniah pelajar keluaran IPGKBL bagi PISMP Jun 2015 dan PISMP Jun 2016

Data-data yang diperoleh dianalisis dengan berpandukan SPSS versi *21.0.* Interpretasi skor min tahap kemahiran insaniah ditunjukkan dalam Jadual 2

Jadual 2
Penentuan tahap berdasarkan skor min

Skor Min	Tahap
1.00 – 2.33	rendah
2.34 – 3.67	sederhana
3.68 – 5.00	tinggi

Sumber: Pallant (2015)

Dapatan kajian seperti di dalam Jadual 3 menunjukkan skor min keseluruhan tahap kemahiran insaniah dalam kalangan pelajar keluaran IPGKBL adalah tinggi (min=4.05, sp=.205). Kemahiran insaniah yang paling tinggi ialah kemahiran nilai, etika dan profesionalisme (min=4.13, sp=.193), diikuti oleh kemahiran insaniah kognitif, kemahiran kepimpinan, autonomi dan tanggungjawab, kemahiran komunikasi, kemahiran personal, kemahiran interpersonal dan kemahiran digital.

Jadual 3
Skor min tahap kemahiran insaniah

Kemahiran Insaniah	Skor min	Sisihan Piawai	Tahap kemahiran insaniah
Kemahiran Nilai, Etika dan Profesionalisme	4.13	.193	tinggi
Kemahiran Kognitif	4.10	.293	tinggi
Kemahiran Kepimpinan autonomi dan tanggungjawab	4.06	.306	tinggi
Kemahiran Interpersonal	4.05	. 305	tinggi
Kemahiran Personal	4.05	.294	tinggi
Kemahiran Komunikasi	4.00	.285	tinggi
Kemahiran Digital	3.98	.368	tinggi
Keseluruhan	4.05	.205	tinggi

Jadual 4 menunjukkan dapatan secara terperinci mengenai kemahiran insaniah nilai, etika dan profesonalisme. Item-item bagi kemahiran insaniah nilai, etika dan profesionalisme mempunyai skor min tahap kemahiran insaniah paling tinggi ialah item 7f iaitu menunjukkan tatalaku seperti berpegang kepada peraturan, undang-undang, kod amalan baik atau tatalaku profesional (min=4.23, sp=.422). Kemudian, diikuti dengan item 7g iaitu berpegang kepada sistem peraturan moral seperti beretika dalam menggunakan harta intelek dan bahan rujukan atau prinsip-prinsip perilaku yang menjadi amalan di tempat kerja (min=4.19, sp=.398).

Item 7h iaitu bertindak secara beretika atau profesional dalam persekitaran dan amalan profesional yang pelbagai (min=4.15, sp= .421). Item 7e iaitu mempamerkan kepentingan kualiti diri dalam mencipta perubahan bermakna dalam kehidupan, pekerjaan dan dunia merupakan item yang mempunyai skor min terendah di antara item namun masih pada tahap yang tinggi (min=4.00, sp= .314). Secara keseluruhan, skor min bagi 9 item yang menguji kemahiran nilai, etika dan profesionalisme adalah berada dalam julat 4.00-4.25.

Jadual 4
Skor min bagi item kemahiran nilai, etika dan profesionalisme

Item	Sub Atribut	Skor min	sp	Tahap
7a	Mempunyai kesedaran dan menghormati perbezaan dan isu-isu etika, sosial dan budaya dalam melaksanakan kemahiran dan tanggungjawab profesional.	4.09	.292	tinggi
7b	Mempunyai sikap tidak bergantung kepada bantuan orang lain untuk melakukan sesuatu tugasan.	4.14	.412	tinggi
7c	Mempunyai sikap suka membantu orang lain dan mengambil berat hal ehwal komuniti untuk kesejahteraan bersama	4.14	.353	tinggi
7d	Mempunyai sikap positif yang merangka dan mengawal tindakan dilakukan lebih awal daripada jangkaan yang akan berlakunya sesuatu perkara atau kejadian	4.11	.314	tinggi
7e	Mempamerkan kepentingan kualiti diri dalam mencipta perubahan bermakna dalam kehidupan, pekerjaan dan dunia.	4.00	.320	tinggi
7f	Menunjukkan tatalaku seperti berpegang kepada peraturan, undang-undang dan kod amalan baik atau tatalaku profesional	4.23	.422	tinggi
7g	Berpegang kepada sstem peraturan moral seperti beretika dalam menggunakan harta intelek dan bahan rujukan atau prinsip-prinsip perilaku yang menjadi amalan di tempat kerja atau persekitaran.	4.19	.398	tinggi
7h	Bertindak secara beretika / berprofesional dalam persekitaran dan amalan profesional yang pelbagai	4.15	.419	tinggi
7i	Mempunyai pandangan yang bernas berkaitan isu dan kepentingan alam sekitar dan menerapkan perspektif ini ke dalam hasil kerja.	4.08	.280	tinggi
	min keseluruhan	4.13	.193	tinggi

Jadual 5 pula menunjukkan skor min bagi tahap kemahiran insaniah kognitif adalah tinggi (min=4.10, sp=.423). Item 1c iaitu berupaya membuat keputusan berasaskan bukti kukuh (min=4.21, sp=.431) merupakan item yang mempunyai skor min tertinggi. Kemudian, diikuti dengan item 1a iaitu boleh mengaplikasi pengetahuan atau menggunakan kemahiran berfikir dalam pelbagai konteks (min=4.14, sp=.344), item 1b iaitu boleh membuat perkaitan dan menganalisis pola, trend atau kesamaan data berasaskan maklumat (min=4.14, sp=.368).

Jadual 5
Skor min bagi item kemahiran kognitif

Item	Sub Atribut	Skor min	sp	Tahap
1a	Boleh mengaplikasi pengetahuan atau kemahiran menggunakan pelbagai kemahiran berfikir dalam pelbagai konteks	4.14	.344	tinggi
1b	Boleh membuat perkaitan dan menganalisis pola, trend atau kesamaan data berasaskan maklumat.	4.14	.368	tinggi
1c	Berupaya membuat keputusan berasaskan bukti yang kukuh.	4.21	.431	tinggi
1d	Berupaya membina pengetahuan baharu yang bermakna dan menerapkannya di dunia sebenar	3.97	.505	tinggi
1e	Mahir mengenal pasti dan menganalisis masalah dalam situasi kompleks/kabur	4.19	.452	tinggi
1f	Mahir melaksanakan tindakan penyelesaian masalah.	3.97	.443	tinggi
1g	Mahir membuat analisis reflektif dan menilai semula tindakan penyelesaian masalah untuk penambahbaikan.	4.08	.417	tinggi
	min keseluruhan	4.10	.293	tinggi

Ini diikuti oleh Item 1e iaitu mahir mengenal pasti dan menganalisis masalah dalam situasi kompleks (min=4.19, sp=.452). Seterusnya item 1g iaitu mahir membuat analisis reflektif dan menilai semula tindakan penyelesaian masalah untuk penambahbaikan (min=4.08, sp=.417). Dua item yang masih di tahap tinggi tetapi di bawah skor min 4.00 ialah item 1d dan 1f. Item 1f ialah mahir melaksanakan tindakan penyelesaian masalah (mn=3.99, sp=.443). Item yang menunjukkan skor min yang paling rendah namun masih berada di tahap skor min tinggi ialah item 1d iaitu berupaya membina pengetahuan baharu yang bermakna dan menerapkannya di dalam dunia sebenar. Keseluruhannya, responden menunjukkan kemahiran insaniah kognitif pada tahap yang tinggi.

Dapatan kajian seperti di dalam Jadual 6 pula menunjukkan skor min bagi kemahiran kepimpinan, autonomi dan tanggungjawab (KAT) pada tahap tinggi (min=4.06, sp=.506). Berdasarkan Jadual 6, item bagi kemahiran KAT yang mempunyai skor tertinggi ialah item 5c iaitu boleh mengagihkan tugas dan kuasa kepada ahli pasukan dengan menggalakkan penglibatan semua ahli (min=4.31, sp=.501).

Jadual 6
Skor min bagi item kemahiran insaniah kepimpinan, autonomi dan tanggungjawab

Item	Sub Atribut	Skor min	sp	Tahap
5a	Berkeupayaan memimpin tugasan dalam pasukan	3.84	.569	tinggi
5b	Boleh mengagihkan tugas dan kuasa kepada ahli pasukan dengan mengalakkan penglibatan semua ahli.	4.08	.648	tinggi
5c	Berkebolehan menunjukkan kolaboratif antara pemimpin dan ahli pasukan	4.31	.501	tinggi
5d	Boleh menunjukkan autonomi dalam membuat pilihan dan keputusan berasaskan pertimbangan jiwa pendidik.	4.01	.577	tinggi
5e	Menunjukkan tanggungjawab melaksanakan amanah membangunkan potensi diri dan pasukan dalam bidang pendidikan (pengajaran dan pembelajaran).	4.10	.513	tinggi
5f	Berkeupayaan mengembangkan potensi diri sendiri dan ahli pasukan untuk memimpin pencapaian matlamat pendidikan (pengajaran dan pembelajaran)	4.06	.419	tinggi
5g	Berkebolehan menunjukkan kolaboratif dan proses interaksi sosial antara pemimpin, ahli pasukan dan komuniti luar.	4.05	.316	tinggi
	min keseluruhan	4.06	.309	tinggi

Item KAT yang mempunyai skor min terendah tetapi masih pada tahap tinggi ialah 5a iaitu berkeupayaan mempimpin tugasan di dalam kumpulan (min=3.84, sp.=.569). Skor min bagi item-item sperti 5b, 5d, 5e, 5f dan 5g menunjukkan KAT adalah tinggi. Dapatan ini menunjukkan bahawa responden berpandangan bahawa mereka masih perlu bimbingan dalam memimpin tugasan di dalam kumpulan. Dapatan kualitatif menunjukkan responden berpendapat, untuk memimpin termasuk guru-guru senior di dalam kumpulan yang dibimbing, mereka masih memerlukan pelbagai pengetahuan dan kemahiran. Walau bagaimanapun, skor min keseluruhan bagi kemahiran insaniah kepimpinan autonomi dan tanggungjawab masih pada tahap yang tinggi.

Jadual 7 menunjukkan skor min bagi kemahiran komunikasi. Skor min keseluruhan bagi tahap kemahiran komunikasi (min= 4.05, sp=.458) juga pada tahap tinggi. Dapatan menunjukkan bahawa skor min tertinggi bagi item kemahiran komunikasi ialah item 2f iaitu boleh dipercayai untuk menghasilkan sesuatu perkara yang terbaik apabila diberi amanah dan berjaya memberi impak yang positif (min=4.17, sp=.420). Dapatan ini menunjukkan responden telah melaksanakan setiap amanah yang diberikan oleh pihak sekolah.

Skor min kedua tertinggi ialah item 2c iaitu berkebolehan berkolaboratif, memberi tunjuk ajar, bimbingan dan bantuan kepada orang lain (min=4.14, sp=.376). Item 2b menunjukkan skor min terendah tetapi masih pada tahap yang tinggi

(min=3.86, sp=.612) iaitu boleh memberi ketenangan dan dapat menyesuaikan diri terhadap kesusahan orang lain/mengikut situasi audiens. Selain itu, dapatan ini menunjukkan bahawa responden memberikan skor min yang tinggi kepada kemahiran komunikasi seperti boleh berkomunikasi, berkolaboratif, menggunakan pelbagai mod komunikasi, dan mempunyai kemahiran mendengar secara aktif.

Item yang menunjukkan skor min terendah tetapi masih pada tahap yang tinggi ialah item 2b iaitu boleh memberi ketenangan dan dapat menyesuaikan diri terhadap kesusahan orang lain/mengikut situasi audiens (min=3.86, sp=.612). Selain itu, dapatan ini menunjukkan bahawa responden memberikan skor min yang tinggi kepada kemahiran komunikasi seperti boleh berkomunikasi, berkolaboratif, menggunakan pelbagai mod komunikasi, dan mempunyai kemahiran mendengar secara aktif.

Jadual 7
Skor min item kemahiran komunikasi

Item	Sub Atribut	Skor min	sp	Tahap
2a	Mempunyai kemahiran mendengar aktif dan berjaya melahirkan perasaan simpati melalui kata-kata, perbuatan serta tingkah laku yang sesuai mengikut situasi	4.09	.392	tinggi
2b	Boleh memberi ketenangan dan menyesuaikan diri terhadap kesusahan orang lain/ mengikut situasi audiens	3.86	.612	tinggi
2c	Berketrampilan dalam berkomunikasi, memberi penghargaan dan menjadi suri teladan untuk pelbagai situasi	3.99	.660	tinggi
2d	Berkeupayaan dalam berkolaboratif, memberi tunjuk ajar, bimbingan dan bantuan kepada orang lain dengan menggunakan kemahiran interpersonal yang terpuji	4.14	.376	tinggi
2e	Berkebolehan menggunakan pelbagai mod komunikasi secara bijak untuk menyampaikan mesej secara koheren.	4.03	.290	tinggi
2f	Boleh dipercayai untuk menghasilkan sesuatu perkara yang terbaik apabila diberi amanah dan berjaya memberi impak yang positif	4.17	.420	tinggi
	min keseluruhan	4.05	.304	tinggi

Jadual 8 pula menunjukkan skor min item bagi kemahiran kemahiran personal (min=4.05, sp=.422). Skor min bagi item kemahiran personal yang mempunyai skor min tertinggi ialah item 6d (min=4.19, sp=.439). Item ialah berusaha untuk menjadi jujur dengan prinsip-prinsip moral yang kuat. Item yang mempunyai skor min terendah namun masih pada tahap tinggi ialah item 6b iaitu boleh merancang dan melaksanakan kawalan masa yang digunakan untuk sesuatu aktiviti (min=3.86, sp=.412).

Jadual 8
Skor min item kemahiran personal

Item	Sub Atribut	Skor min	sp	Tahap
6a	Sentiasa berusaha meningkatkan ilmu pengetahuan dan kemahiran untuk membangunkan kerjaya hingga ke peringkat global	3.97	.554	tinggi
6b	Boleh merancang dan melaksanakan kawalan masa yang digunakan untuk sesuatu aktiviti, terutamanya untuk meningkatkan keberkesanan, kecekapan atau produktiviti.	3.86	.412	tinggi
6c	Bermotivasi lain untuk menyiapkan setiap tugasan dan aktiviti	4.16	.433	tinggi
6d	Berusaha untuk menjadi jujur dengan prinsip-prinsip moral yang kuat seperti belas kasihan, kewibawaan, murah hati, jujur, baik hati, kesetiaan, kematangan, mempunyai matlamat dan kepercayaan bagi memiliki integriti peribadi dan etika profesional.	4.19	.439	tinggi
6e	Berkebolehan bertindak secara pantas dalam membuat keputusan dan menyelesaikan masalah dalam konteks yang baharu	4.06	.271	tinggi
	min keseluruhan	4.05	.294	tinggi

Seterusnya ialah kemahiran interpersonal yang juga mempunyai skor min pada tahap yang tinggi (min=4.00, sp=.449) seperti yang dinyatakan di dalam Jadual 9. Skor min bagi item 3h mempunyai skor min yang paling tinggi iaitu berkebolehan untuk berkomunikasi merentasi budaya, disiplin dan bekerja dalam pasukan bagi membentuk hubungan yang positif (min=4.25, sp=.492). Ini diikuti dengan item 3f iaitu berkebolehan menggunakan bahasa badan (min=4.14, sp=.494). Seterusnya item 3g iaitu berkebolehan menggunakan pelbagai mod komunikasi dengan bijak (min=4.10,sp=.355).

Skor min dapatan di dalam Jadual 9 juga menunjukkan bahawa skor min yang terendah ialah bagi item 3e iaitu mengamalkan, memberi dan menerima maklum balas untuk mereka bentuk semula pengalaman pembelajaran (min=3.76, sp=.580). Walau bagaimanapun item 3e masih mempunyai skor min pada tahap yang tinggi. Ini menunjukkan bahawa responden mempunyai skor min yang tinggi bagi kemahiran interpersonal. Secara tidak langsung, menunjukkan bahawa pada persepsi responden, mereka mempunyai kemahiran interpersonal seperti menyampaikan idea dengan jelas, menyampaikan idea berasaskan pembelajaran bermakna melalui pembentangan meggunakan teknologi.

Jadual 9
Skor min item kemahiran interpersonal

Item	Sub Atribut	Skor min	sp	Tahap
3a	Berkebolehan menyampaikan idea yang jelas, koheren,yakin dan meyakinkan	4.03	.368	tinggi
3b	Berkebolehan menyampaikan idea berasaskan pembelajaran bermakna melalui pembentangan menggunakan teknologi	3.86	.432	tinggi
3c	Berkebolehan menggunakan bahasa lisan yang sesuai untuk berunding, berbincang dan mencapai persetujuan berasaskan pertimbangan jiwa pendidik	4.04	.304	tinggi
3d	Mengamalkan kemahiran mendengar secara berkesan.	3.84	.569	tinggi
3e	Mengamalkan, memberi dan menerima maklum balas untuk mereka bentuk semula pengalaman pembelajaran (redesign learning experience)	3.76	.580	tinggi
3f	Boleh menggunakan bahasa badan (body language) yang melibatkan postur badan, kontak mata, gerakan fizikal, dan ekspresi muka yang sesuai ke arah keberkesanan pengajaran dan pembelajaran	4.14	.494	tinggi
3g	berkebolehan menggunakan pelbagai mod komunikasi secara bijak untuk menyampaikan mesej secara koheren.	4.10	.355	tinggi
3h	Berkebolehan untuk berkomunikasi merentasi budaya, disiplin dan bekerja dalam pasukan bagi membentuk hubungan yang positif.	4.25	.492	tinggi
	min keseluruhan	4.00	.287	tinggi

Jadual 10 pula menunjukkan skor min bagi kemahiran digital pada tahap tinggi namun merupakan skor min bagi kemahiran insaniah yang paling rendah (min=3.98, min=.489). Ini bermakna, skor min kemahiran digital adalah yang paling rendah berbanding skor min 6 elemen kemahiran insaniah yang lain. Walau bagaimanapun, skor min masih menunjukkan pada tahap yang tinggi. Item yang mendapat skor min tertinggi ialah item 4b iaitu mengumpul, menyisih, menyimpan dan memproses maklumat dari pelbagai sumber digial (min=4.04, sp=.356). Item yang mempunyai skor min terendah ialah item 3e iaitu mengamalkan, memberi dan menerima maklum balas untuk mereka bentuk semula pengalaman pembelajaran (min=3.76, sp=.580). Dapatan ini menunjukkan tahap kemahiran digital masih pada tahap tinggi.

Jadual 10
Skor min item kemahiran digital

Item	Sub Atribut	Skor min	sp	Tahap
4a	Mengaplikasi pelbagai kemahiran digital, sumber media dan teknologi dengan mengiktiraf hak digital, bertanggungjawab, beretika dalam pelbagai konteks pembelajaran, pekerjaan dan kehidupan.	4.01	.592	tinggi
4b	Mengumpul, menyisih, menyimpan dan memproses maklumat dari pelbagai sumber digital mengikut konteks untuk membuat refleksi dan cadangan penambahbaikan bagi penyelesaian isu	4.04	.356	tinggi
4c	Berkebolehan untuk berkolaboratif dalam pengupayaan jalinan dan jaringan, perkongsian ilmu pengetahuan dan kemahiran yang dikuasai pada peringkat tempatan atau global bagi tujuan memperluaskan perspektif atau memperkayakan pengalaman pembelajaran bermakna.	3.96	.478	tinggi
4d	Fasih digital, terlatih dan berkemahiran dalam membimbing untuk meningkatkan kemahiran, pengetahuan dan etika digital	3.90	.529	tinggi
	min skor keseluruhan	3.98	.368	tinggi

Secara keseluruhannya, skor min kemahiran insaniah adalah pada tahap yang tinggi mengikut responden kajian yang terdiri daripada guru baharu lepasan IPG Kampus Batu Lintang Ambilan Jun 2015 dan Jun 2016. Responden telah memberikan skor min pada tahap tinggi bagi kesemua kemahiran insaniah yang dikaji.

Perbezaan tahap kemahiran insaniah dalam kalangan pelajar keluaran IPGKBL di antara pelajar PISMP Jun 2015 dan PISMP Jun 2016.

Perbezaan di antara dua kumpulan responden iaitu guru-guru baharu lepasan IPGKBL bagi PISMP Jun 2015 dan Jun 2016 dianalisis menggunakan statistik non parametrik. Ini kerana, keputusan ujian normaliti menunjukkan data tidak bertaburan normal. Oleh itu, data di analisis menggunakan ujian t sampel tidak bersandar menggunakan *Mann-Whitney U test.*

Ujian t sampel tidak bersandar *(independent sample t test*) menggunakan *Mann-Whitney U test* menunjukkan tidak terdapat perbezaan signifikan skor min kemahiran insaniah secara keseluruhan di antara guru-guru baharu keluaran IPGKBL bagi PISMP Jun 2015 (Median=4, n=75) dan PISMP Jun 2016 (Median=4, n=43), U=1324, z=-1.678, p=.093, r=.15). Oleh itu, hipotesis ditolak. Jadual 11

menunjukkan dapatan ujian t sampel tidak bersandar menggunakan *Mann Whitney U test*.

Dapatan secara terperinci bagi setiap jenis kemahiran insaniah pula menunjukkan tidak terdapat perbezaan skor min bagi kemahiran kognitif di antara guru-guru baharu keluaran IPGKBL bagi PISMP Jun 2015 (Median=4, n=75) dan PISMP Jun 2016 (Median=4, n=43), U= 1554, z = -.373, p=.709, r=.03). Oleh itu, hipotesis kajian ditolak. Begitu juga dapatan menunjukkan tidak terdapat perbezaan skor min bagi kemahiran komunikasi di antara guru-guru baharu PISMP Jun 2015 (Median=4, n=75) dan PISMP Jun 2016 (Median=4, n=43), U=1499,z=-2.672, p=.477, r=.06). Hipotesis bagi kajian ini juga diterima.

Jadual 11
Dapatan Ujian t Mann Whitney U Test antara pelajar PISMP Jun 2015 dan PISMP Jun 2016

Pelajar	Kemahiran insaniah	Median	U	z	*p*	*r*	Hipotesis
PISMP Jun 2015 (n=75)	kognitif	4	1554	-.37	.709	.03	ditolak
PISMP Jun 2016 (n=43)		4					
PISMP Jun 2015 (n=75)	komunikasi	4	1499	-.71	.477	.06	ditolak
PISMP Jun 2016 (n=43)		4					
PISMP Jun 2015 (n=75)	digital	4	1524	-.54	.591	.04	ditolak
PISMP Jun 2016 (n=43)		4					
PISMP Jun 2015 (n=75)	kepimpinan, autonomi dan tanggungjawab	4	1293	-1.89	.058	.17	ditolak
PISMP Jun 2016 (n=43)		4					
PISMP Jun 2015 (n=75)	personal	4	1382	-1.42	.156	.13	ditolak
PISMP Jun 2016 (n=43)		4					

This study proposes a conceptual model for students' information literacy development as shown in Figure 1. The conceptual model depicts the relationship between information literacy skills and the usage of SRC as the learning resources for the students to seek information and develop their knowledge. In Figure 1, there are two situations, the application of information literacy skills and the usage of SRC in a school with a poor and no internet connection and a school with a good internet connection. In the first situation, the school with a poor or no internet connection, the GPM can fully utilize the SRC as the learning resource centre to help the students to develop their information literacy skills enhancing their learning. The students depend on physical resources such as books, articles, magazines and newspapers found in SRC. Contrary, situation 2 in Figure 1 shares the same process as situation 1. The only difference in situation 2 is the students have the opportunity to seek information through the internet and physical resources in SRC. The students are then able to combine both the information gathered from the Internet and physical resources in SRC. In both situations, the GPM play an important role to guide the students with information literacy skills based on the Big6 Information Literacy Skills Model. The GPM acts as an observer or facilitator during the information-seeking process. The GPM needs to guide the students, especially in evaluating the information gathered. The students apply the information literacy skills taught by the GPM in their project. In the end, the student presents their project to the GPM and the GPM evaluates their project.

Besides that, the model as shown in Figure 1 can be used as a guideline for teachers in their lessons. The figure below depicts the overall conceptual model for students' information literacy skills development. The conceptual model below shows the interconnection between the Big6 information literacy model and the usage of SRC by the students to complete their project or task. Apart from that, the education officer also can utilize the model to mentor and guide the GPM in their information literacy lesson development. As a result, the sit-in period in school will become meaningful as the students learn to seek information and use the information in their learning.

Figure 2
The Conceptual Model for Students' Information Literacy Skills Development



SUGGESTIONS FOR FUTURE RESEARCH

This study has proposed a conceptual model for students' information literacy skills development. The model is useful as a guideline for other researchers to conduct their study on students' information literacy skills development in primary, secondary and tertiary to seek new insight. The researcher also can study the two situations as proposed in the conceptual model as shown in Figure 1; (i) the school with good internet connectivity, and (ii) the school with a poor or no internet connection to investigate how the students applied the information literacy skills they learnt to seek, locate, use, synthesize, and evaluate the information gathered. The researcher is recommended to apply the qualitative approach using methods that include observation, and unstructured interviews to seek new insight. The researcher can interview the GPM and students to gather further information from different perspectives especially how the students apply the information literacy skills to explore further in their learning. Further data collection will strengthen and improve

the existing proposed conceptual model. In addition, the researcher also can apply the mixed method as well and test GPM and students' information literacy skills as the pre-result while cross-checking with the data gathered through the qualitative study later. Furthermore, the researcher can study and focus in-depth on how the students process the information gathered while applying the Big6 Information Literacy Skills steps of use of information, synthesis and evaluation. As a result, this will contribute new findings to the existing study.

REFERENCES

Adam Zulkarnain, S., & Amir Hassan, D. (2014), *Budaya membaca dalam kalangan murid sekolah rendah: Satu kajian kes*. Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Adam Zulkarnain, S., & Amir Hassan, D. (2020), Pemahaman dan amalan budaya membaca dalam kalangan murid sekolah rendah. *International Journal of Modern Trends in Social Sciences*, *3*(12), 72-81.

Adnan, M. (2020). Online learning amid the COVID-19 pandemic: Students perspectives. *Journal of Pedagogical Sociology and Psychology*, *1*(2), 45-51. https://doi.org/10.33902/jpsp.2020261309

Ali, R., Abu-Hassan, N., & Yusof Md Daud, M. (2009). Information literacy of engineering students: A case study. *2009 International Conference on Engineering Eduction(ICEED)*. https://doi.org/10.1109/iceed.2009.5490595

Almazroui, K. M. (2022). Project-based learning for 21st-Century skills: An overview and case study of moral education in the UAE. *The Social Studes*, *114*(3),125-136. https://doi.org/10.1080/00377996.2022.2134281

Amponsah, K. D., Aboagye, G. K., Narh-Kert, M., Commey-Mintah, P., & Boateng, F. K. (2022). The Impact of Internet Usage on Students' Success in Selected Senior High Schools in Cape Coast metropolis, Ghana. *European Journal of Educational Sciences*, *9*(2), 1-18. https://doi.org/10.19044/ejes.v9no2a1

Artama, K. K., Budasi, I. G., & Ratminingsih, N. M. (2023). Promoting the 21st Century Skills Using Project-Based Learning. *Language Circle: Journal of Language and Literature*, *17*(2), 325-332.

Baba, J., & Rostam Affendi, F. (2020). Reading habit and students' attitudes towards reading: A study of students in the faculty of education UiTM Puncak Alam. *Asian Journal of University Education*, *16*(1), 109. https://doi.org/10.24191/ajue.v16i1.8988

BTP. (2017). *Buku panduan pengurusan pusat sumber sekolah abad Ke-21.*

Boon, Y., & Selemin, R. (2010). Penggunaan Pusat Sumber Sekolah (PSS) dalam pengajaran guru di dua sekolah menengah kebangsaan di kawasan Skudai.

Buba, A. A. (2022). Application of the Big6 Skills Model and Information Literacy Skills of undergraduate students on the use of electronic resources in Nigerian Universities. *Library Philosophy and Practice (e-journal), 7274.*

Chistyakov, A. A., Zhdanov, S. P., Avdeeva, E. L., Dyadichenko, E. A., Kunitsyna, M. L., & Yagudina, R. I. (2023). Exploring the characteristics and effectiveness of project-based learning for science and STEAM education. *Eurasia Journal of Mathematics, Science and Technology Education*, *19*(5), em2256. https://doi.org/10.29333/ejmste/13128

Dakhi, O., Jama, J., & Irfan, D. (2020). Blended learning: A 21st century learning model at college. *International Journal of Multi Science*, *1*(08), 50-65.

Doyle, C. S. (1994). *Information literacy in an information society: A concept for the Information Age*. DIANE Publishing.

Kankam, P. K. (2023). Information literacy development and competencies of high school students in Accra. *Information Discovery and Delivery*. https://doi.org/10.1108/idd-10-2021-0114

Kamal, M. A., & Othman, N. (2012). The role of library and media teachers in Malaysian school resource centre. *Journal of Education and Practice*, *3*(15), 120-126.

Krajcik, J. S., & Czerniak, C. M. (2018). Teaching science in elementary and middle school. https://doi.org/10.4324/9781315205014

Kranich, N. (2001). *Libraries and democracy*. American Library Association.

Lee, A. R., & Abu, B. (2005). *Tabiat dan minat membaca di kalangan pelajar Universiti teknologi Malaysia* (Doctoral dissertation, Universiti Teknologi Malaysia).

Li, H., Zhu, S., Wu, D., Hao, H. Y., & Qing, G. (2023). Impact of information literacy, self-directed learning skills, and academic emotions on high school students' online learning engagement: A structural equation modeling analysis. *Educ Inf Technol* , 28, 13485–13504 (2023). https://doi.org/10.1007/s10639-023-11760-2

Mayasari, A. M., Shamila, M. S., Wan Abdul Kadir, W. D., & Mad Khir Johari, A. S. (2020). Pengaruh pusat sumber sekolah Ke atas motivasi pelajar Di Malaysia. *Shaut Al-Maktabah: Jurnal Perpustakaan, Arsip dan Dokumentasi*, *12*(2), 155-174. https://doi.org/10.37108/shaut.v12i2.308

Mohd Ahmin, M. N., Mohd Faeez, I., Kalthom, H., Muhammad Syakir, S., & Murihah, A. (2016). Inisiatif dan usaha guru dalam meningkatkan pengetahuan semasa penggunaan bahan bantu mengajar. *Journal of Social Sciences and Humanities*, *3*, 133-144.

Mohd. Hafiz, S., Ruzilah, E., Siti Diana, D., Adam Zulkarnain, S. (2022), Impak pelaksanaan program galakan membaca kepada masyarakat.

Mohamed Shuhidan, S., Abdul Majid, M., Mohamed Shuhidan, S., Anwar, N., & Abd Hakim, A. A. (2021). School resource center and students' civilization in digital age. *Asian Journal of University Education*, *16*(4), 190. https://doi.org/10.24191/ajue.v16i4.11953

Naik, M. M., & Padmini, I. (2014). Importance of information literacy. *International Journal of Digital Library Services*, *4*(3), 92-100.

Nor Ahmad, K., & Zurinah, Y., (2020) Peranan pemimpin di sekolah bagi memartabatkan penggunaan pusat sumber sekolah sebagai pusat maklumat. *Wacana Pengurusan Dan Kepimpinan Pendidikan*, 138.

Noreha, T., Nair, R., Gopalan, Y., & Sedhu, D. S. (2022). Towards an effective extensive reading programme for Malaysian schools. *The New English Teacher ISSN 1905-7725 (Print)*, *16*(1), 29-58.

Nuraini, N., Asri, I. H., & Fajri, N. (2023). Development of project based learning with STEAM approach model integrated science literacy in improving student learning outcomes. *Jurnal Penelitian Pendidikan IPA*, *9*(4), 1632-1640. https://doi.org/10.29303/jppipa.v9i4.2987

Olubiyo, P. O., & Olubiyo, L. M. (2023). Information literacy education in the digital age: A literature survey. *Library Philosophy and Practice*, 1-17.

Robiah, Y., & Noraffandy. Y. (2008). *Penggunaan pusat sumber sekolah dan perpustakaan (PSS): Faktor, kesan serta masalah*. Universiti Teknologi Malaysia.

Shashikala, A. K. (2023). Information Literacy: A Key to Access, Evaluate & Use of Information. *International Journal for Multidisciplinary Research*, *5*(3). https://doi.org/10.36948/ijfmr.2023.v05i03.3338

Shamila, M. S., Norizan, A., Azman, M. I., Nordiana, M. N., & Mohd Ismail, A. (2023). Information literacy skills among higher education institution students in Malaysia. *Learning Sciences for Higher Education*, 139-153. https://doi.org/10.1007/978-981-99-0522-5_8

Siti Hadijah, A. (2011) *Kesedaran dan peranan pengetua membangunkan Pusat Sumber Sekolah (Tumpuan kepada sekolah menengah harian di negeri Selangor). Jurnal Pengurusan Dan Kepimpinan Pendidikan, 22* (02), 20-45.

Suaad, H. H. A., Huda, A. K., & Waleed A. M. A. (2023). The importance of using the Internet of things in education. *International Journal of Emerging Technologies in Learning (iJET)*, *18*(01), 19-39. https://doi.org/10.3991/ijet.v18i01.35999

Torres-Díaz (2016) Internet use and academic success in university students. *Media education Research journal*. 61-70.

Usman, Y. D. (2016). Educational Resources: An integral component for effective school administration in Nigeria. *Online Submission*, *6*(13), 27-37.

Wong, M. A. (2023). "The teaching of reference must keep pace": Teaching sources and searching in an evolving reference environment. *Library Trends*, *71*(1), 36-51. https://doi.org/10.1353/lib.2023.0003

Zailani, S., Nor Ezan, O., & Nor Diana, A. R. (2013). Memaksimumkan penggunaan Pusat Sumber Sekolah (PSS) sebagai agen kecemerlangan akademik. *Informika: Jurnal Peradaban Informasi dan Ilmu*, *2*, 69-78.

Zhao, S., Luo, R., Sabina, C., & Pillon, K. (2023). The effect of information literacy training on graduate students' ability to use library resources. *College & Research Libraies*, *84*(1). https://doi.org/10.5860/crl.84.1.7

SISTEM EJAAN BAHASA BIDAYUH BAU

Ajien Nyigor[1]
Richard Neles, PhD[2]
Liza Kay John Jeffrey Sirabung[3]
Maylina Petrus Jonis[4]

[1]ajien@msn.com
[2]richardneles15@gmail.com

[1]SMK St. Thomas, Jalan McDougall, 93000 Kuching
[2,3]IPGM Kampus Batu Lintang, Jalan College, 93200 Kuching
[4]SMK Bau, Jalan Sebuku, 94000 Bau

ABSTRAK

Penyelidikan ini adalah mengenai pembinaan sistem ejaan bahasa Bidayuh Bau. Komuniti Bidayuh berhasrat bahasa ibunda mereka turut dipelajari secara formal di sekolah. Sehubungan itu, salah satu isu penting ialah memperkemaskan sistem ejaan bahasa berkenaan. Objektif kajian ini ialah mengenal pasti fonem asli bahasa Bidayuh Bau dan seterusnya menentukan padanan hurufnya. Data diperoleh dengan menyenaraikan perkataan didengar dalam perbualan harian, disusuli dengan penulisan transkripsi fonemik dan fonetik perkataan tersebut. Dapatan kajian menunjukkan bahasa Bidayuh terbina daripada tiga puluh fonem. Fonem /a, ɛ, e, i, ɔ, o, u/ merupakan vokal tulen manakala /ã, ɛ̃, ĩ, ɔ̃, ũ/ merupakan vokal terbitan. Dalam sistem ejaan, disarankan fonem vokal tulen serta pasangan sengaunya dipadankan dengan huruf yang sama. Misalnya, /a/ dan /ã/ dieja dengan huruf yang sama iaitu “a”. Setelah dipertimbangkan dengan teliti, disarankan fonem konsonan hentian glotis tidak dipadankan dengan huruf mahupun simbol. Tujuh belas fonem konsonan yang lain iaitu /b, d, g, h, ǰ, k, l, m, n, ŋ, ɲ, p, r, s, t, w, j/ masing-masing dipadankan dengan huruf rumi “b,d,g,h,j,k,l,m,n,ng,ny,p,r,s,t,w,y”. Diharap sistem ejaan ini bakal digunakan dengan meluas dalam penerbitan digital mahupun bercetak. Misalnya, penulisan buku *“Literasi Sina Bidoyoh: Rami Bipatun”.*

Kata kunci: Sistem ejaan, simbol fonetik, fonem, Bahasa Bidayuh Bau

ORTHOGRAPHY OF BIDAYUH BAU LANGUAGE

ABSTRACT

This study is about the orthography of the Bidayuh Bau language. It is inspired by the quest of the Bidayuh community to have the Bidayuh

language to be included in the formal national education system. One of the important issues that need to be resolved is the orthography of the language. The objective of this study is to identify phonemes of the language and then match each of them with a letter. Samples are gathered by listening to daily conversation and listing the words heard. Each word is analysed for its phonemic and phonetic transcription. Based on the samples, it is found that the Bidayuh Bau language has twenty phonemes. The pure vowels sounds are /a, ɛ, e, i, ɔ, o, u/ and its nasal forms are /ã, ɛ̃, ĩ, ɔ̃, ũ/. It is proposed that both the pure vowels and its nasal pair are to be represented by the same letter. Thus, /a/ dan /ã/ are spelled as "a". After much consideration, it is suggested not to use any alphabet nor symbol to indicate the glottal stop. The other seventeen consonants, /b, d, g, h, ǰ, k, l, m, n, ŋ, ɲ, p, r, s, t, w, j/ are represented by letters "b,d,g,h,j,k,l,m,n,ng,ny,p,r,s,t,w,y" respectively. Hopefully, this orthography could be used in both digital and printed materials. The first production using this orthography is a book, "Literasi Sina Bidoyoh: Rami Bipatun".

***Keywords**: Orthography, phonetic symbol, phoneme, Bidayuh Bau Language*

PENGENALAN

Terdapat pelbagai variasi Bahasa Bidayuh yang dituturkan komuniti di kepulauan Borneo yang meliputi negara Malaysia dan Indonesia. Secara tradisi, variasi utama bahasa Bidayuh di Malaysia dikenali sebagai Bidayuh Bau-Jagoi, Bidayuh Biatah, Bidayuh Serian dan Bidayuh Salako Lara (Ahi Sarok, 2017). Selepas usaha *Dayak Bidayuh National Association (DBNA)* menyeragamkan ejaan, variasi utama bahasa Bidayuh dikenali sebagai Bidayuh Bau, Bidayuh Biatah, Bidayuh Serian dan Bidayuh Salako. Skop kajian ini berfokus kepada pembinaan sistem ejaan bahasa Bidayuh Bau sahaja.

Bahasa Bidayuh Bau juga disebut sebagai *Sina Bidoyoh* oleh penutur jatinya. Dalam perspektif yang lebih luas, untuk membezakannya daripada variasi bahasa Bidayuh yang dituturkan oleh penduduk lain di kepulauan Borneo, istilah yang lebih jitu baginya ialah "Bahasa Dayak Bidayuh Bau". Dalam penulisan ini istilah "Bahasa Dayak Bidayuh Bau", "Bahasa Bidayuh Bau" dan "Sina Bidoyoh" adalah merujuk kepada entiti yang sama. Penutur jati *Sina Bidoyoh* ialah etnik Bidayuh yang berada atau berasal dari daerah Bau, Sarawak.

Hasrat komuniti Bidayuh ialah supaya bahasa Bidayuh dipelajari secara formal di sekolah. Untuk mencapai hasrat ini, bahasa Bidayuh perlu ada sistem ejaan yang mantap. Hasrat inilah yang menjadi pendorong kajian ini dilaksanakan.

LATAR BELAKANG

Dalam konteks merealisasi hasrat bahasa Bidayuh dipelajari di sekolah, tumpuan utama sekarang adalah memenuhi semua syarat yang diperlukan. Antara syaratnya, hendaklah mempunyai kandungan ilmu yang mencukupi untuk disampaikan (Asmah Omar, 2015). Maka, bahan penulisan mengenai bahasa Bidayuh dan hasil karya dalam bahasa Bidayuh perlu diperbanyakan. Justeru, perlu ada sistem tulisan yang konsisten mudah untuk diterima pakai.

Sistem ejaan yang berkesan boleh dinilai berdasarkan dua aspek utama. Aspek pertama ialah kesesuaian perlambangan bunyi bahasa tersebut. Aspek kedua pula ialah penerimaan bakal penggunanya. *SIL International* mengungkapkan kriteria ortografi yang efektif sebagai:

> *"...To be effective, an orthography must be **acceptable** to the people who will use it, and also **usable**, in terms of characters matching the sounds of the language..." (SIL International, n.d.)*

Untuk kejituan ejaan yang tinggi, satu bunyi hendaklah dipadankan dengan satu perlambangan. Dengan demikian, semua fonem sesuatu bahasa dapat dipadankan dengan suatu huruf mahupun simbol. Perlambangan khusus untuk fonem berkenaan boleh direka sebagai alternatif kepada huruf dan simbol sedia ada (McEnery & Wilson, 2001).

Bahasa Iban boleh dieja menggunakan huruf rumi dan juga perlambangan khusus yang direka oleh Dunging Gunggu dan dimurnikan oleh Bromeley Philip (2010) ditunjukkan oleh Rajah 1 di bawah.

Rajah 1
Alphabet Iban dikarang oleh Dunging Gunggu

Perlambangan bunyi bahasa Iban adalah ilham asal oleh Duging Gunggu dan seterusnya telah dimurnikan oleh Bromeley Philip (*Onniglot the online encyclopedia of writing system & languages, n.d.*). Rajah 2 di bawah menerangkan mengenai perlambangan bunyi tersebut.

Rajah 2
Perlambangan bunyi bahasa Iban ilham asal oleh Duging Gunggu dan dimurnikan oleh Bromeley Philip

Walau bagaimanapun, huruf Dunging ini jarang diamalkan. Bahasa Iban sering ditulis dengan huruf rumi dengan padanan fonem (Onniglot the online encyclopedia of writing system & languages, n.d.). Hal ini ditunjukkan dalam Rajah 3 di bawah.

Rajah 3
Padanan fonem bahasa Iban dengan huruf rumi

Iban pronunciation

Vowels

a	e	i	o	u	ə
[a]	[e]	[i]	[o]	[u]	[ə]

Consonants

b	c	d	f	g	h	j	k	l
[b]	[tʃ]	[d]	[p]	[g]	[h]	[ʤ]	[k]	[l]
m	n	p	q	r	s	t	v	w
[m]	[n]	[p]	[q]	[r]	[s]	[t]	[b]	[w]
x	y	z						
[s]	[j]	[ʤ]						

Contoh penulisan teks bahasa Iban dalam huruf Duging ditunjukkan dalam Rajah 4 manakala yang berhuruf rumi adalah seperti dalam Rajah 5 di bawah. Sementara, Rajah 6 menunjukkan teks bahasa Bidayuh yang ditulis dalam huruf rumi (Onniglot the online encyclopedia of writing system & languages, n.d.).

Rajah 4
Contoh teks bahasa Iban dalam huruf Dunging



Rajah 5
Contoh teks bahasa Iban (The Lord's Prayer) dalam tulisan rumi.

Apai kami di serega
Kudus mih nama nuan
Datai mih perintah nuan
Jadi peneka nuan
Baka ka dalam serega
Bakanya dalam bumi.
Meri ka kami
Pengidup tiap ari.
Ampunka penyalah kami
Baka ka kami ti
Ngampunka urang
Ti salah ngelaban kami
Intu kami ari penguji
Lepas ke kami ari penyai
Laban nuan ti bempu perintah
Enggau kuasa enggau mulia
Dataika belama-lama iya
Amin

Contoh teks bahasa Bidayuh Bau *(The Lord's Prayer)* dalam tulisan rumi turut berada dalam buku doa terbitan Gereja St. Stephen, Bau (Gereja St. Stephen, 1994). Rajah 6 menunjukkan tulisan rumi tersebut.

Rajah 6
Contoh teks bahasa Bidayuh Bau (The Lord's Prayer) dalam tulisan rumi.



Sama koih
Sama koih de oggi daang sorga,
sa adon ingan kudus,
sa piritah ingan nog-neh,
sa suo de raan ingan jadi de tana
niwat duoh daang sorga.
Pinguman koih de birangkonu
ngin de koih onu itih.
Apun-geh sarah koih.
kodda koih apun suo nyaa
de nai sarah de koih.
Ma toban koih ke suba muot,
pakke propas koih so suo jaat. Amen.

PERNYATAAN MASALAH

Salah satu isu utama bahasa Bidayuh Bau ialah sistem ejaannya yang pelbagai. Terdapat pelbagai cara suatu perkataan dieja dan semuanya betul berdasarkan strategi ejaan masing-masing (Netti Yuniarti, 2019). Salah satu daripada punca kepelbagaian ini berkaitan dengan keunikan sebutan bahasa Bidayuh Bau iaitu hentian glotis (De Vega, 2013; Jecky Misieng, 2017). Sebagai contoh, perhatikan ejaan semasa untuk perkataan "*kodda*" (seperti), "*otto*" (kita) dan "*sama*" (bapa). Semua perkataan itu diakhiri dengan hentian glotis, namun ejaannya tidak konsisten. Jika strategi menggandakan konsonan untuk menandakan unsur hentian glotis tekal, maka ejaan yang sepatutnya ialah "*ko**dd**a*", "*o**tt**o*" dan "*sa**mm**a*". Manakala, jika memilih untuk tidak menggunakan apa-apa huruf sebagai indikator hentian glotis, maka ejaannya sepatutnya ialah "*koda*", "*oto*" dan "*sama*".

Dalam bahasa Melayu, ujaran /ʔ/ dan /k/ tidak membezakan makna. Maka jika huruf "k" boleh dipadankan dengan ujaran hentian glotis /ʔ/ dan juga konsonan /k/, seperti dalam perkataan "kakak", "pokok" dan "duduk", ia tidak menimbulkan kekeliruan.

Sebaliknya, dalam bahasa Bidayuh, ujaran /ʔ/ dan /k/ adalah bertaraf fonem iaitu boleh membezakan makna. Misalnya dalam ejaan perkataan "*kodok*". Jika fonem akhir dalam perkataan "*kodok*" ialah /k/, makna perkataan itu ialah "menghidu". Manakala, jika fonem akhir dalam perkataan "*kodok*" ialah hentian glotis /ʔ/, makna perkataan itu ialah "pendek".

Kepelbagaian cara eja hentian glotis /ʔ/ merupakan punca utama wujud variasi ejaan dalam bahasa Bidayuh. Misalnya dalam menentukan ejaan bagi perkataan seperti "*kodo*" yang bermakna "pendek". Variasi pertama ialah menggandakan konsonan. Justeru, ejaannya ialah "*ko**dd**o*". Variasi kedua ialah gunakan huruf "h", maka ejaannya salah "*kodo**h***". Variasi ketiga adalah dengan

menggunakan simbol apostrofi atau simbol lain, maka ejaannya ialah "*kodo***'**". Variasi keempat ialah tidak menggunakan apa-apa huruf mahupun simbol sebagai indikator hentian glotis, maka ejaannya ialah "*kodo*".

Selain hentian glotis, kepelbagaian ejaan juga wujud berikutan unsur sengauan. Penggunaan pasangan huruf senyap, kononnya untuk menyekat sengauan boleh mendatangkan kekeliruan sebutan (Williams, 2023). Berdasarkan konsep ini, huruf senyap "**d**' dipadankan dengan konsonan "**n**", huruf senyap "**b**" dipadankan dengan konsonan "m", manakala huruf senyap '**j**" dipadankan dengan huruf 'y'. Tujuannya adalah untuk menandakan vokal selepas huruf senyap tidak disengaukan.

Justeru, perkataan '*sina*' (bercakap, bahasa) akan dieja sebagai '*sin**d**a*'. Perkataan '*oma*' (lama) akan dieja 'om**b**a'. Perkataan '*janyi*' (janji) dieja sebagai 'jany**j**i'. Risiko konsep ini adalah salah lafaz, di mana 'si.nda' mungkin akan juga dilafaz sebagai 'sin.da', 'o.mba' dilafaz sebagai 'om.ba' dan 'ja.nyji' dilafaz 'ja.ny.ji'. Ini dilihat sebagai kekeliruan dari perspektif dalaman,

Selain kekeliruan dalaman, konsep penggunaan huruf senyap ini juga akan menimbulkan kekeliruan antara bahasa (Netti Yuniarti, 2019). Misalnya, jika perkataan '*bona*' (tempayan) dieja sebagai 'bonda'. Perkataan bahasa Bidayuh '*bonda*' (tempayan) mempunyai sebutan dan makna yang berbeza dengan perkataan bahasa Melayu 'bonda'(ibu). Ejaan 'bonda' akan mempunyai dua sebutan berbeza iaitu 'bo.nda' (bahasa Bidayuh dengan penggunaan huruf senyap 'd') atau 'bon.da' (bahasa Melayu yang sama makna dengan 'ibu'). Ada kemungkinan nanti, perkataan bahasa Melayu "bonda" tidak dilafaz sebagai "bon.da", tetapi "bo.nda" (bahasa Bidayuh yang bermaksud 'tempayan').

Ejaannya akan menjadi lebih rumit jika perkataan itu mempunyai variasi sebutan (Rensch, 2012; Jennifer Jamesle, 2020). Misalnya, perkataan "*sino*" (ibu) ada tiga variasi sebutan iaitu /sinɔʔ/, /sinoʔ/ dan /sinəʔ/. Ketiga-tiga variasi sebutan boleh dieja "*sindo*'" atau "*sindok*". Ejaan "*sindo*'" menepati gabungan konsep penggunaan huruf senyap "d" dan tanda apostrofi untuk hentian glotis. Manakala ejaan "*sindok*" menepati gabungan konsep penggunaan huruf senyap "d" serta huruf 'k' untuk hentian glotis. Dalam pada itu, variasi bagi ejaan "*sino*" iaitu "s*indok*" akan homograf dengan ejaan variasi ejaan perkataan "*sinok*" (dekat) iaitu "*sindok*" (/sɪnɔk/).

Dari perspektif lain, diperhatikan ejaan "*sindok*" merupakan homograf iaitu suatu perkataan yang mempunyai ejaan yang sama tetapi berlainan sebutan dan makna. Makna pertama ialah "ibu" dan makna kedua ialah "dekat". Inilah permasalahan penggunaan huruf "b" dan "d" sebagai indikator suatu vokal itu bukan vokal sengau. Kecelaruan dapat dikurangkan jika dieja tanpa strategi mengguna huruf senyap. Justeru, "*sino*" (ibu) dieja sebagai "*sino*" dan "*sinok*" (dekat) dieja sebagai "*sinok*"? Berdasarkan permasalahan ini maka perlu ada sistem ejaan bahasa Bidayuh yang konsisten, mudah serta tidak mendatangkan ancaman kepada bahasa itu.

OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian ini ialah untuk membentuk sistem ejaan bahasa Bidayuh Bau yang berasaskan padanan fonem asli dengan huruf rumi dan seterusnya mengaplikasinya dalam penulisan.

PERSOALAN KAJIAN

Untuk mencapai objektif membentuk sistem ejaan bahasa Bidayuh Bau berasaskan padanan fonem asli bahasa Bidayuh Bau dengan huruf rumi, maka berikut merupakan soalan kajian:

a. Apakah fonem vokal asli bahasa Bidayuh Bau?
b. Apakah fonem konsonan asli bahasa Bidayuh Bau?
c. Apakah padanan huruf atau simbol bagi setiap fonem asli bahasa Bidayuh Bau?

TINJAUAN LITERATUR

Secara amnya, perkembangan sistem ejaan bahasa Bidayuh Bau terbahagi kepada tiga belas fasa.

Fasa pertama ialah kewujudan bahasa Bidayuh dalam bentuk lisan sahaja (Mary et al., 2015). Di peringkat ini, fungsi utama bahasa meliputi komunikasi sosial, hiburan dan interaksi dengan *Topa* (Pencipta). Pelbagai cerita dongeng diperdengarkan kepada kanak-kanak sebelum waktu tidur untuk menyemai nilai dan hiburan. Ayun biasanya didendangkan untuk mendodoi anak. Lagu didendangkan oleh para *dayung borih* semasa upacara *gawia*. Di fasa lisan ini, tiada huruf atau simbol digunakan untuk mengeja bahasa Bidayuh.

Fasa ke-2 pula adalah peralihan dari bahasa lisan ke bahasa tulisan. Kedatangan mubaligh yang memilih untuk menyampaikan ilmu agama menggunakan bahasa tempatan telah membuka lembaran baharu dalam perkembangan bahasa Bidayuh. Penggunaan huruf rumi untuk menulis bahasa Bidayuh Bau dipelopori para mubaligh. Di antara mereka ialah paderi Rev. Fr. Luis Schwabl. Maka terbitlah buku mengandungi doa dan panduan hidup yang dikarang dalam bahasa Bidayuh. Para mubaligh juga mendirikan sekolah. St. Stephen *Primary School* dibina pada tahun 1947 dan kini dikenali sebagai SK St. Stephen. Pendidikan yang diasaskan para mubaligh telah melahirkan golongan penutur jati bahasa Bidayuh yang celik huruf.

Fasa ke-3 ialah pemurnian sistem ejaan yang berasaskan huruf rumi. Para paderi dan golongan penutur jati yang celik huruf telah memurnikan lagi sistem ejaan yang diperkenalkan pada fasa kedua. Sistem ejaan yang dimurnikan ini juga digunakan untuk mengarang buku berkaitan agama, termasuk menulis terjemahan kandungan kitab (Calvin et al., 2006). Dalam tahun 1970an hingga 1980an, Rev. Fr.

Luis Schwabl bersama En. Felix Sipel anak Nyowet serta individu lain telah menulis banyak bahan bacaan keagamaan dalam bahasa Bidayuh Bau. Misalnya *"Kajuog Idip Ngosok Jesus"* dan *"Bua-bua Ajar So Kitab Baibl Pakai Daang Onu Mingu Duoh Onu De Ayuh"* (Felix Sipel et al., 1986). Rajah 7 menunjukkan petikan teks buku *"Kajuog Idip Ngosok Jesus"* sebagai contoh sistem ejaan yang dimurnikan.

Rajah 7
Petikan teks buku "Kajuog Idip Ngosok Jesus"



Itih-leh surat so onak de juo. Sama masog manah tirima surat inoh, kira surat inoh nirang pingirindu torin jamit onak duoh Sama-eh. Daang surat inoh otto pirati nang onak inoh maseh-geh natong sino sama-eh. Yeh ia puan hal sino-eh hal sama-eh. Inoh-leh tanda onak-eh aruo rindu de sino sama-eh. Sungu pun yeh juo bidu karik pimande, maseh-geh natong kiroja sino sama-eh. Addo onak inoh birani mitie duit de sama-eh, kirana yeh aruo bisaya nang sama rindu de odopeh. Piobuo surat yeh mitie maap duoh ngin tirimakaseh de sama-eh.

Fasa ke-4 merupakan peluasan fungsi bahasa Bidayuh bertulis. Dalam fasa ini, bahasa Bidayuh bertulis bukan hanya meliputi perkara berkaitan keagamaan, malahan merangkumi penulisan berita untuk siaran radio. Saluran Radio Bidayuh yang disiarkan Rangkaian Radio Sarawak dilancarkan dalam bulan Jun 1963. Siaran berita radio disampaikan dalam tiga variasi bahasa Bidayuh iaitu Bau-Jagoi, Bukar-Sadong dan Biatah.

Fasa ke-5 pula ialah usaha penyeragaman sistem ejaan bahasa Bidayuh. Usaha ini diterajui Dayak Bidayuh National Association (DBNA) mulai tahun 2000. Satu siri kajian telah dilaksanakan dengan kerjasama sukarelawan pakar bahasa daripada *SIL International* untuk tujuan menyeragamkan sistem ejaan bagi semua variasi bahasa Bidayuh. Jika inisiatif penyeragaman ini berjaya, maka semua variasi bahasa Bidayuh akan menggunakan sistem ejaan yang sama. Satu sistem yang seragam telah dipersetujui majoriti pada 10 Ogos 2003 (Rench et al., 2012). Butiran penyeragaman ejaan bahasa Bidayuh ditunjukkan dalam Jadual 1 di bawah.

Jadual 1
Butiran penyeragaman ejaan bahasa Bidayuh

Sebutan	Ejaan Semasa			Ejaan Seragam	
	Bau	Kuching	Serian	Dicadang	Diterima
[ɑ]	a	a	a	a	a
[ə]/[ǎ]		a	a	e	e
[iə]/[ɛ]	ie	e	e	é	é
[i]	i	i	i	i	i
[uə]/[ɔ]	uo	o	o	o	o
[ɔ]/[ɯ]	o	ŭ	u (ŭ/û)	ø or ŭ/û	ŭ
[u]	u	u	u	u	u

Berdasarkan saranan ini, perkataan Bidayuh Bau, 'ik***ie***n' (ikan) akan dieja sebagai 'ik***e***n', 'ob***uo***' (habis) dieja '***ŭ***b***o***' dan 'sin***o***' (ibu) akan dieja 'sin***ŭ***'. Setelah meneliti maklum balas pengguna, penyeragaman menyeluruh seperti dipersetujui perlu dimurnikan lagi. Untuk lebih praktikal skop keseragaman telah dihadkan dalam lingkungan empat variasi utama bahasa Bidayuh sahaja.

Justeru, untuk tujuan ortografi, bahasa Bidayuh dikelaskan kepada empat variasi utama iaitu Bidayuh Bau, Bidayuh Biatah, Bidayuh Serian dan Bidayuh Salako. Setiap variasi utama ini mempunyai sistem ejaan tersendiri seperti yang digunakan dalam buku daftar kata yang diterbitkan susulan daripada usaha penyeragaman sistem ejaan. Empat buah buku tersebut ialah (Rajah 8):

i. Buk Bang Sinda Bidayuh Bau - English - Malay
ii. Buk Ubaang Sanda' Bidayuh Serian - English - Malay
iii. Buk Baang Piminyuu Bidayuh Biatah - English - Malay
iv Bup Paririkng Kata Salako - English – Malay

Rajah 8
Buku daftar kata empat variasi utama bahasa Bidayuh terbitan DBNA

Ejaan dalam *"Buk Bang Sinda Bidayuh Bau* – English – Malay" adalah seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 9 di bawah.

Rajah 9
Contoh ejaan dalam "Buk Bang Sinda Bidayuh Bau – English – Malay"

to'in oyap (Jg.) *n.phr.* appendix *apendiks* (Sg.: to'in moyap)
to'od *n.* stump *tunggul; puntung*
to'od-to'od *v.* stand motionless *terpukau*
to'ok *n.phr.* asthma *asma*
to'on *v.* to set a trap *memasang jerat*
to'on jaring *v.phr.* set up a net to catch animals *merentang jaring*
to'uh *n.* right side *kanan*
tobad *n.* a type of small grass with sharp edges *sejenis rumput kecil yang daunnya tajam*
tobah (Sg.) *n.* fermented food *jeruk makanan* (Jg.: kau')
tobah diyien (Sg.) *n.phr.* preserved durian *tempoyak* (Jg.: tipuyak)

Fasa ke-6 ialah penggunaan bahasa Bidayuh sebagai bahasa pengantar di peringkat prasekolah. Menurut Josak anak Siam, pada tahun 2007, DBNA telah membuka enam *Playschool* yang bahasa pengantarnya ialah bahasa Bidayuh. Para pelajarnya ialah kanak-kanak berusia tiga hingga empat tahun. Susulannya, pada tahun 2009, DBNA memperkenalkan "*MLE Kindergartens*" untuk pelajar berusia lima tahun. Semua mata pelajaran termasuk Matematik dan Sains diajar dalam bahasa Bidayuh kecuali Bahasa Melayu. Ejaan yang digunakan adalah yang disyorkan DBNA.

Fasa ke-7 ialah pembelajaran bahasa Bidayuh di peringkat universiti. Pada tahun 2015, Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) menawarkan kursus Bahasa Borneo Peringkat 1 di mana pelajar boleh memilih untuk belajar sama ada bahasa Melayu Sarawak, Melanau, Iban atau Bidayuh. Ini merupakan suatu yang bersejarah dalam pendidikan formal bahasa Bidayuh, khususnya bahasa Bidayuh Bau. Mulai tahun 2015, bahasa Bidayuh Bau telah dipelajari di peringkat universiti. Sistem ejaan yang digunakan ialah yang dimurnikan oleh tenaga pengajarnya, Ajien anak Nyigor. Rajah 10 di bawah merupakan surat lantikan tenaga pengajar bahasa Bidayuh ditawarkan UNIMAS. Ia menjadi eviden sejarah bermulanya bahasa Bidayuh dipelajari secara formal.

Rajah 10
Keratan surat lantikan tenaga pengajar bahasa Bidayuh ditawarkan UNIMAS, eviden sejarah bermulanya bahasa Bidayuh dipelajari secara formal.



Pusat Pengajian Bahasa
Centre for Language Studies
Dr Norazuna Norahim
Dekan/*Dean*

UNIMAS/NC-28.03/02-06/03 (4)

23 Februari 2015

Ajien anak Nyigor
130 Taman Wawasan
Lorong Arang 13H4
93250 Kuching Sarawak

Tuan,

Pelantikan Sebagai Pengajar Sambilan Kursus PBL 1154 Bahasa Bidayuh Peringkat 1 Di Pusat Pengajian Bahasa

Sukacita dimaklumkan bahawa Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) telah bersetuju melantik tuan sebagai tenaga pengajar sambilan untuk kursus **PBL 1154 Bahasa Bidayuh Peringkat 1** mulai **23 Februari 2015** sehingga **6 September 2015** pada **Semester 2, 2014/2015.** Walau bagaimanapun, perkhidmatan tuan boleh ditamatkan pada bila-bila masa jika terdapat sebarang keadaan yang berlaku terhadap kelas pengajaran seperti kekurangan pelajar, penggabungan kelas, perubahan masa, tempat dan sebagainya.

Fasa ke-8 ialah pelaksanaan projek Kurikulum Bahasa Etnik (KBE). Pihak DBNA dengan kerjasama *SIL* telah membina kurikulum untuk pendidikan bahasa Bidayuh di peringkat sekolah rendah. Pada tahun 2018, DBNA telah melaksanakan projek rintis mengajar Bahasa Bidayuh di peringkat sekolah rendah melibatkan pelajar Tahun 1 di enam buah sekolah rendah. Sistem ejaan yang digunakan ialah yang disyorkan DBNA. Rajah 11 di bawah menunjukkan contoh bahan bantu mengajar projek rintis Kurikulum Bahasa Etnik.

Rajah 11
Contoh bahan bantu mengajar projek rintis Kurikulum Bahasa Etnik



Fasa ke-9 ialah penggunaan bahasa Bidayuh dalam komunikasi di media sosial. Terdapat usaha generasi baharu dan lama untuk berbahasa Bidayuh dalam komunikasi melalui media sosial selari dengan perkembangan teknologi. Di antara *"facebook page"* yang ahlinya aktif berkomunikasi dalam bahasa Bidayuh ialah:

i. Belajar Bahasa Bidayuh di laman https://www.facebook.com/groups/3396807263712003
ii. Sinda Dayak Bidoyoh Bau di laman https://www.facebook.com/groups/bidayuhbau
iii. Akademi Sina Bidoyoh di laman https://www.facebook.com/groups/156387607775372

Walaupun ejaan yang digunakan dalam media sosial adalah pelbagai, namun yang lebih penting adalah amalan menggunakan bahasa ibunda untuk berkomunikasi selari dengan perubahan teknologi.

Fasa ke-10 ialah usaha berterusan mendokumentasi bahasa Bidayuh di medan maya. Walaupun terdapat pelbagai sistem ejaan digunakan, namun hal yang paling penting ialah wujudnya kesedaran dalam kalangan komuniti untuk mendokumentasi dan memelihara bahasa ibunda.

Sistem ejaan digunakan dalam entri kamus dalam talian, *Borneo Dictionary*, di laman web "https://borneodictionary.com/bidayuh-bau" adalah berbeza dengan yang digunakan dalam entri kamus dalam talian kendalian Glosbe, di laman "https://en.glosbe.com/mis_bid/en". Rajah 12 di bawah menunjukkan contoh entri kamus Sina Bidoyoh – English diurus selia oleh Glosbe.

Rajah 12
Contoh entri kamus Sina Bidoyoh – English diurus selia oleh Glosbe



Fasa yang ke-11 ialah usaha penerbitan daftar kata bahasa etnik oleh Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP). Adalah menjadi hasrat DBP untuk memelihara semua bahasa etnik yang terdapat di Sarawak termasuk Bahasa Bidayuh Bau. Pihak DBP sedang dalam proses menerbitkan buku daftar kata Bahasa Bidayuh Bau. Sistem ejaan yang akan digunakan nanti belum ditentukan.

Fasa yang ke-12 ialah penggubalan Kurikulum Bahasa Etnik Bidayuh. Dengan matlamat bahasa Bidayuh akan diajar di sekolah mulai tahun 2025, pihak DBNA sedang giat menggubal kurikulum yang dikenali sebagai Kurikulum Bahasa Etnik Bidayuh (KBE Bidayuh). Untuk tujuan memohon kelulusan Kementerian Pelajaran Malaysia, kurikulum ini ditulis dalam bahasa Melayu dan akan diterjemah ke dalam variasi bahasa masing-masing. Pihak atas sedar bahawa bahasa etnik yang ditawarkan di sesebuah sekolah adalah bahasa etnik setempat. Dengan demikian, sekolah di daerah Bau boleh belajar bahasa Bidayuh Bau.

Kurikulum Bahasa Etnik Bidayuh Bau (KBE Bidayuh Bau) akan digubal dalam bahasa Bidayuh Bau berdasarkan kandungan kurikulum KBE Bidayuh. KBE Bidayuh Bau dan dokumen berkaitan yang lain akan dihasilkan dalam dua versi. Versi pertama menggunakan ejaan yang disyorkan DBNA. Versi kedua menggunakan sistem ejaan yang disarankan hasil dapatan kajian ini. Pihak atasan akan memilih variasi ejaan apabila tiba masanya.

Kesimpulannya, status bahasa Bidayuh pada masa ini ialah sebagai satu kursus elektif di peringkat universiti iaitu di UNIMAS. Bahasa Bidayuh ialah sebagai bahasa pengantar untuk penyampai ilmu di peringkat pra sekolah kelolaan DBNA. Manakala, di peringkat sekolah rendah, bahasa Bidayuh masih dalam peringkat mohon kelulusan untuk diajar di sekolah. Bahasa Bidayuh juga digunakan untuk menyebarkan maklumat melalui media massa dan media sosial. Status awal bahasa Bidayuh sebagai bahasa menyampai ilmu agama dan beribadat masih kekal. Dengan demikian, sangatlah penting untuk menentukan sistem ejaan yang lebih mantap.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian dijalankan menggunakan penyelidikan lapangan dan data dianalisis berdasarkan teori deskriptif linguistik seperti disarankan oleh Asmah Omar (2008). Data diperoleh dengan menyenaraikan perkataan didengar dalam perbualan harian dan disusuli dengan menulis transkripsi fonemik dan fonetiknya.

Data kajian juga diperolehi dari pangkalan data daftar kata bahasa Bidayuh yang telah dikumpul oleh Ajien Nyigor sejak tahun 1981. Daftar kata ini merupakan koleksi kosa kata yang didengar melalui perbualan harian. 138 perkataan daripada lebih 5000 disaring sebagai sampel kajian bagi tujuan kenal pasti binaan fonemnya. Senarai penuh perkataan tersebut ialah seperti dalam Lampiran 1

Dengan merujuk kepada *International Phonetic Alphabet (IPA)* versi 2020 seperti dalam Rajah 13 di bawah, semua fonem asli bahasa Bidayuh Bau akan disenaraikan dalam jadual kosong iaitu Jadual 2 dan Jadual 3.

Rajah 13
Keratan International Phonetic Alphabet versi tahun 2020



THE INTERNATIONAL PHONETIC ALPHABET (revised to 2020)

CONSONANTS (PULMONIC) — ©①⑨ 2020 IPA

	Bilabial	Labiodental	Dental	Alveolar	Postalveolar	Retroflex	Palatal	Velar	Uvular	Pharyngeal	Glottal
Plosive	p b			t d		ʈ ɖ	c ɟ	k g	q ɢ		ʔ
Nasal	m	ɱ		n		ɳ	ɲ	ŋ	ɴ		
Trill	ʙ			r					ʀ		
Tap or Flap		ⱱ		ɾ		ɽ					
Fricative	ɸ β	f v	θ ð	s z	ʃ ʒ	ʂ ʐ	ç ʝ	x ɣ	χ ʁ	ħ ʕ	h ɦ
Lateral fricative				ɬ ɮ							
Approximant		ʋ		ɹ		ɻ	j	ɰ			
Lateral approximant				l		ɭ	ʎ	ʟ			

Symbols to the right in a cell are voiced, to the left are voiceless. Shaded areas denote articulations judged impossible.

CONSONANTS (NON-PULMONIC)

Clicks	Voiced implosives	Ejectives
ʘ Bilabial	ɓ Bilabial	’ Examples:
ǀ Dental	ɗ Dental/alveolar	pʼ Bilabial
ǃ (Post)alveolar	ʄ Palatal	tʼ Dental/alveolar
ǂ Palatoalveolar	ɠ Velar	kʼ Velar
ǁ Alveolar lateral	ʛ Uvular	sʼ Alveolar fricative

OTHER SYMBOLS

ʍ Voiceless labial-velar fricative
w Voiced labial-velar approximant
ɥ Voiced labial-palatal approximant
ʜ Voiceless epiglottal fricative
ʢ Voiced epiglottal fricative
ʡ Epiglottal plosive

ɕ ʑ Alveolo-palatal fricatives
ɺ Voiced alveolar lateral flap
ʧ Simultaneous ʃ and x

Affricates and double articulations can be represented by two symbols joined by a tie bar if necessary.

t͡s k͡p

VOWELS

Where symbols appear in pairs, the one to the right represents a rounded vowel.

Jadual 2
Jadual kosong eviden kewujudan fonem vokal asli Bidayuh Bau

Fonem	Bunyi	Awal	Tengah	Akhir	Huruf
/a/	[a]				
/ă/	[ă]				
/ɛ/	[ɛ]				
/ĕ/	[ĕ]				
/ə/	[ə]				
/i/	[i]				
/ɪ/	[ɪ]				
/ɔ/	[ɔ]				
/ŏ/	[ŏ]				
/o/	[o]				
/u/	[u]				
/ŭ/	[ŭ]				

Jadual 3
Jadual kosong eviden kewujudan fonem konsonan asli Bidayuh Bau

Fonem	Bunyi	Awal	Tengah	Akhir	Huruf
/ b /	[b]				
/ d /	[d]				
/ g /	[g]				
/ h /	[h]				
/ j /	[j]				
/ k /	[k]				
/ l /	[l]				
/ m /	[m]				
/ n /	[n]				
/ ŋ /	[ŋ]				
/ ɲ /	[ɲ]				
/ p /	[p]				
/ r /	[r]				
/ s /	[s]				
/ t /	[t]				
/ w /	[w]				
/ j /	[j]				
/ ʔ /	[ʔ]				

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Hasil penelitian sebutan sampel kajian menemui bahawa bahasa Bidayuh Bau terbina daripada tiga puluh (30) fonem jati iaitu dua belas (12) fonem vokal dan sembilan belas (19) fonem konsonan.

Fonem vokal asli (jati) bahasa Bidayuh Bau

Terdapat dua belas fonem vokal jati bahasa Bidayuh Bau. Ianya terdiri daripada tujuh vokal teras iaitu /ɑ, ɛ, e, i, ɔ, o, u/ dan lima vokal terbitan proses nasalisasi iaitu /ɑ̃, ɛ̃, ĩ, ɔ̃, ũ/ seperti yang disenaraikan dalam Jadual 4.

Jadual 4
Eviden kewujudan fonem vokal asli bahasa Bidayuh Bau

Fonem	Bunyi	Awal	Tengah	Akhir
/ a /	[a]	ayuh (besar)	gah (khabar), nyam (pinjam), tumang (tumbang, air nila)	oma (lama)
/ ã /	[ã]	aa	naan (tahan), nyam (seperti, rasa), tumang (yatim)	nyaa (orang)
/ ɛ /	[ɛ]	eh (ganti nama)	neh (ialah, adalah), geh (juga)	bijure (bicara)
/ ɛ̃ /	[ɛ̃]		kirumieng (mengupas biji jagung)	
/ ə /	[ə]	eh! (hairan)	ageh! (sakitnya)	
/ i /	[i]	idoh (tidak)	sit (sedikit)	podi (padi)
/ ĩ /	[ĩ]		mirih (beli), pingirih (budaya kerjasama)	
/ ɔ /	[ɔ]	odi (pergi)	kod (batuk), koh (nanti), oran tongon (jalan lurus)	pimodo (hormat)
/ ɔ̃ /	[ɔ̃]	oo kiang eh (sebanyak ini)	ngiriyoh (melawan), tongon koyuh, (pokok)	nyoo (tetak), noo (lah)
/ o /	[o]	oi , oh, ooh	kod (panjang, *length*)	sino (emak)
/ u /	[u]	upan (umpan)	kusab (tidak endah), bitimun (bertimbun), nimun (kumpul, *pile up*)	sumu (sumbu lampu)
/ũ/	[ũ]	uu moti eh (sebesar ini)	bua timun (timun), mayuh (kurus), ni mun (serupa)	nguru, muu

Padanan fonem vokal dengan huruf rumi

Secara idealnya, satu fonem hendaklah dipadankan dengan satu huruf. Disarankan fonem vokal teras dan pasangan sengaunya dipadankan dengan huruf vokal yang sama. Ini bermakna huruf ‘a’ digunakan untuk mengeja dua fonem iaitu /a/ dan /ã/. Huruf “i” dipadankan dengan dua fonem iaitu /i/ dan /ĩ/. Huruf “u” dipadankan dengan dua fonem iaitu /u/ dan /ũ/. Sementara itu, huruf ‘e’ digunakan untuk mengeja tiga fonem iaitu /ɛ, ɛ̃, e/. Huruf ‘o’ digunakan untuk mengeja tiga fonem iaitu /ɔ, ɔ̃, o/. Padanan fonem vokal dengan hurufnya dirumuskan dalam Jadual 5 di bawah.

Jadual 5
Senarai dua belas fonem vokal asli bahasa Bidoyoh dan padanan hurufnya.

Fonem	Bunyi	Huruf	Awal	Tengah	Akhir
/ a /	[a]	**a**	ayuh	gah, nyam, tumang	oma
/ ã /	[ã]	**a**	aa	naan, nyam, tumang	nyaa
/ ɛ /	[ɛ]	**e**	eh	neh, geh	bijure
/ ɛ̃ /	[ɛ̃]	**e**		kirumieng	
/ ə /	[ə]	**e**	eh!	ageh!	
/ i /	[i]	**i**	idoh	sit	podi
/ ĩ /	[ĩ]	**i**		mirih	
/ ɔ /	[ɔ]	**o**	odi, oran	kod, koh, tongon	pimodo
/ ɔ̃ /	[ɔ̃]	**o**	oo kiang eh	ngiriyoh, tongon koyuh	nyoo, noo
/ o /	[o]	**o**	oi , oh, ooh	kod	sino
/ u /	[u]	**u**	upan	kusab, bitimun, nimun	sumu
/ ũ /	[ũ]	**u**	uu moti eh	bua timun, mayuh, ni mun	nguru, muu

Fonem konsonan asli (jati) bahasa Bidayuh Bau

Bahasa Bidayuh Bau terdiri daripada lapan belas fonem konsonan termasuk hentian glotis seperti disenaraikan dalam Jadual 6 di bawah.

Jadual 6
Eviden kewujudan fonem konsonan asli bahasa Bidayuh Bau

Fonem	Bunyi	Awal	Tengah	Akhir	Huruf
/ b /	[b]	bung (puncak)	tobah (pekasam)	abab (masakan tanpa minyak)	b
/ d /	[d]	doya (darah)	badog (tersumbat)	mad (bentang)	d
/ g /	[g]	gah (khabar)	gogah (sihat)	kopog (potong)	g
/ h /	[h]			mowah (bersiar-siar)	h
/ j /	[ǰ]	jaka (ketika)	jojak (buah-buahan)		j
/ k /	[k]	kapah (sebar)	kaki (ke mana)	karik (cari)	k
/ l /	[l]	lodieng (pisau dan parang tanpa hulu)	malas (malas)	ramal (sambal)	l
/ m /	[m]	moh (sudah)	pomos (hancur dalaman)	nuom (enam)	m
/ n /	[n]	nuok (minum)	konod (pekat)	naan (tahan)	n
/ ŋ /	[ŋ]	ngorok (leka)	singot (sengat), ngangngik (tidak stabil, senget)	tungang (berupaya)	ng
/ ɲ /	[ɲ]	nyam (pinjam)	ponyap (kemas)		ny
/ p /	[p]	poh (tumbuk)	dipoh (ular)	bisakap (menjerit)	p
/ r /	[r]	rasot (langsat)	paruo (haruan)	damar (damar)	r
/ s /	[s]	sus (pergilah)	sasak (reban)	kos (berpaling)	s
/ t /	[t]	tung (nyalakan)	patang (pantang)	komut (lupa)	t
/ w /	[w]	watinoh (begitu)	awon (hairan)	boow (lah, pula)	w
/ j /	[j]	yuok (ulas)	oyung (monyet)		y
/ ʔ /	[ʔ]		piin (air), koih (kami)	sama (bapa), mamie (basuh)	

Padanan fonem konsonan dengan huruf rumi

Disarankan tiada simbol atau huruf digunakan untuk menanda hentian glotis. Justeru, tujuh belas fonem yang lain iaitu /b, d, g, ǰ, h, k, l, m, n, ŋ, ɲ, p, r, s, t, w, j/ masing-masing dipadankan dengan huruf b,d,g,j,k,l,m,n,ng,ny,p,r,s,t,w,y. Padanan fonem konsonan dengan hurufnya dirumuskan dalam Jadual 7 di bawah.

Jadual 7
Senarai lapan belas fonem konsonan jati dan padanan hurufnya

Fonem	Bunyi	Huruf	Awal	Tengah	Akhir
/ b /	[b]	**b**	bung	tobah	abab
/ d /	[d]	**d**	doya	badog	mad
/ g /	[g]	**g**	gah	gogah	kopog
/ h /	[h]	**h**			mowah
/ ǰ /	[ǰ]	**j**	jaka	jojak	
/ k /	[k]	**k**	kapah	kaki	karik
/ l /	[l]	**l**	lodieng	malas	samal
/ m /	[m]	**m**	moh	pomos	nuom
/ n /	[n]	**n**	nuok	konod	naan
/ ŋ /	[ŋ]	**ng**	ngorok	singot, ngangngik	tungang
/ ɲ /	[ɲ]	**ny**	nyam	ponyap	
/ p /	[p]	**p**	poh	dipoh	bisakap
/ r /	[r]	**r**	rasot	paruo	damar
/ s /	[s]	**s**	sus	sasak	kos
/ t /	[t]	**t**	tung	patang	komut
/ w/	[w]	**w**	watinoh	awon	boow
/ j /	[j]	**y**	yuok	oyung	
/ ʔ /	[ʔ]			piin, koih	sama, mamie, sidudu

Penetapan huruf bagi ejaan fonem asli bahasa Bidayuh Bau

Penetapan huruf untuk mengeja fonem asli bahasa Bidayuh merupakan langkah permulaan yang penting dalam membina sistem ejaannya. Selain itu, elemen pengimbuhan, penggandaan dan peminjaman kata juga penting diambil kira dalam menentukan sistem ejaan.

Bagi memudahkan penerangan sistem ejaan, kosa kata bahasa Bidayuh boleh dibahagikan kepada tiga kumpulan ortografi iaitu Kata Jati (*Bangsina Asal*), Kata Pinjaman (*Bangsina Binua*) dan Kata Baharu (*Bangsina Tumu*) (Ajien Nyigor, 2000). Perkara ini ditunjukkan dalam Rajah 14 dan Rajah 15 di bawah.

Rajah 14
Hubung kait kosa kata Sina Bidoyoh bagi tujuan ortografi



Rajah 15
Hubung kait kosa kata bahasa Bidayuh Bau bagi tujuan ortografi



